

BAB III

AJARAN-AJARAN SESAT DI MALAYSIA

3.1. AJARAN-AJARAN SESAT YANG TERDAPAT DI MALAYSIA

Menurut takrifan ‘sesat’ yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM, ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam yang berdasarkan Al-Quran dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah. Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahmān, Halaman 4, orang-orang yang sesat ialah orang-orang yang tidak berpengetahuan agama, kerana tidak berusaha untuk mempelajarinya atau orang yang berpengalaman agama yang tidak betul kerana dipelajari dengan tidak menurut peraturan dan jalan sebenarnya.¹

Menurut Said Hawa, termasuk dalam kategori sesat dan menyeleweng ialah membenci atau tidak bersetuju terhadap salah satu hukum atau sistem Islam seperti ibadah, sistem ekonomi, muamalah, politik dan undang-undang Islam samada undang-undang masa damai atau di masa perang atau benci terhadap akhlak, peraturan masyarakat, ilmu-ilmu Islam dan sebagainya. Apa saja corak kebencian dan penentangan terhadap apa-apa yang terkandung di dalam al-Quran atau al-hadith, atau menentang

¹ Temubual dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh, Penolong Pengarah Aqidah, Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada 31 Julai 2000.

konsep as-sunnah samada berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan (taqrir) atau sifat-sifatnya. Maka ia boleh membawa kepada pembatalan syahādah.²

Pengertian sesat pada °I'tiqad terbahagi kepada dua iaitu sesat daripada ajaran agama Islam yang sebenar dan sesat dari jalan menuju ke syurga. Manakala menurut Ibnu Abbas pula, semua hawa nafsu yang jahat itu sesat.³

3.1.1-Sejarah kemunculannya.

Ajaran sesat di Malaysia bukanlah perkara yang baru. Bahkan ianya telah bermula sejak 1870 di Pulau Pinang setelah dikesan oleh pihak penyelidikan dari Universiti Sains Pulau Pinang. Tarikh ‘1870’ diambil sempena tarikh Masjid Kampung Seronok yang dibina pada tahun tersebut walaupun ajaran ini telah berkembang lebih awal. Sejak tarikh tersebutlah bermulanya perbincangan yang semakin hangat tentang ajaran sesat di Malaysia dengan berbagai-bagai jenis nama ajaran yang lahir selepasnya.

Timbulnya ajaran-ajaran sesat dan amalan-amalan sesat dalam masyarakat Islam di Malaysia bukanlah satu perkara baru, mulai bergerak secara senyap-senyap semasa Islam mula bertapak di Semenanjung pada abad ke 15 iaitu melalui konsep animisma (1) dinamisma (2) dan ajaran Hindu-Budha. Tetapi yang ketaranya adalah datang dari pengaruh Syi'ah melampau seperti Sabā'iyyah (3) Kaysaniyyah (4) dan oleh Syi'ah Isma'iliyyah Batiniyyah (5) juga aliran teosofi (6).

² Said Hawa, *Al-Islam; Syahadatain dan Fenomena Kekufuran*, Terjemahan Abu Ridha, Thinkers Library, Selangor, 1988, hal: 243

³ Al-Imam Fakhruddin al-Razi, *Al-Tafsir al-Kabir*, Jld. 6, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, 1990, hal: 53

Menurut sejarah bahawa ajaran sesat yang paling lama usianya di Malaysia ialah ajaran Taslim yang dibawah oleh Hj. Ahmad Matahari pada tahun 1870an di Kg. Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Ajaran ini telah berkembang ke negeri-negeri lain seperti Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan lain-lain. Sementara di Kelantan wujud ajaran sesat yang dikenali dengan ajaran 'Subud' yang disebarluaskan dalam tahun 1950an dan ajaran Martabat Tujuh. Ajaran Subud hampir hilang tetapi ajaran Martabat Tujuh dipercayai masih hidup, bukan sahaja di Kelantan tetapi di negeri-negeri lain. Hari demi hari ajaran sesat telah bertambah dan hingga akhir tahun 1999 jumlahnya menjangkau lebih dari 100 ajaran yang diadukan ke Jabatan Agama seluruh Malaysia.⁴

Sehingga kini setiap buah negeri di Malaysia terdapat ajaran-ajaran sesat yang disebarluaskan secara senyap-senyap dan ada kalanya mendapat sokongan daripada tokoh-tokoh kecil agama tempatan. Jumlah ajaran sesat telah bertambah dari masa ke semasa.

Beberapa peristiwa yang menggugat ketenteraman dan keselamatan awam belaku berikutan dari ajaran sesat umpamanya pada 19 Oktober 1974 seorang dari kumpulan ajaran sesat 4 Sahabat di Kg. Kedap, Rantau Panjang, Kelantan telah mati ditembak dalam satu pertempuran dengan pasukan keselamatan. Pada 7 Julai 1979, Tajul Ariffin yang mengaku dirinya Imam Mahdi telah mencederakan imam masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak (Tn. Hj. Damanhuri b. Hj. Abd. Wahab, 68 tahun). Pada 19 Ogos 1979 peristiwa di Kerling, Selangor telah mati terbunuh apabila mereka sedang melakukan pemecahan Kuil Hindu di Kerling, Selangor. Satu peristiwa besar di Batu Pahat telah berlaku pada 16

⁴ Temu bual dengan Ust. Haji Abdul Hamid bin Yunus, Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Aqidah, Bahagian Penyelidikan JAKIM pada 31 Julai 2000.

Oktober 1980 di mana 8 orang dari kumpulan ajaran sesat yang dipimpin oleh Ahmad Nasir b. Ismail (Kemboja) telah terbunuh apabila mereka menyerang Balai Polis Batu Pahat dan mencederakan ramai anggota polis, kakitangan balai dan orang awam. Pada 1 Februari 1996, dua orang lelaki warga Indonesia cedera ditembak selepas mengamuk dan cuba mencederakan orang ramai di Kompleks Sinsuran, Kota Kinabalu, Sabah. Lelaki berkenaan menyebarkan ajaran sesat yang berpusat di Inanam, Kota Kinabalu, Sabah. Pada 18 Mac 1996, pengikut ajaran Tabarani bertindak keterlaluan memukul Ketua Kampung, Kampung Pandan Satu, Kuantan, Pahang, Sidek Mohamad kerana didakwa menghalang kegiatan mereka.⁵

3.1.2. Senarai ajaran-ajaran sesat di Malaysia.

Menurut Ust. Haji Abdul Hamid bin Yunus, pada tahun 2000 JAKIM telah menjumlahkan 125 ajaran sesat yang terdapat di seluruh negara. Jumlah termasuklah ajaran yang sedang aktif, kurang aktif dan telah lenyap. Manakala ajaran yang terlampau aktif⁶ ialah sebanyak 17 ajaran. Walau bagaimana pun, beliau enggan mengulas lebih lanjut mengenai senarai ajaran-ajaran sesat sebanyak 17 ajaran tersebut disebabkan ada di antaranya yang belum diwartakan dan ada yang telah berkubur. Di antara kumpulan yang ‘terlampau aktif’ sekarang ini ialah:

- 1) Ajaran Taslim yang masih bergerak secara senyap. Ianya tidak difatwakan secara rasmi, maka tidak boleh sabit dalam undang-undang.⁷

⁵ Temubual dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai2000, *op.cit.*

⁶ Menurut Ust. Abdul Hamid bin Yunus, JAKIM telah mentakrifkan ‘aktif’ sebagai ajaran yang masih dan terus bergerak, mempunyai markas khas di tempat-tempat tertentu serta ianya diketahui dari sudut penjadualan. Manakala ‘kurang aktif’ ialah ajaran yang tidak lagi mempunyai program yang tetap umpama ajaran yang telah kematian guru, tidak mempunyai markas tetap yang tertentu dan tidak pula mempunyai amalan yang tetap.

⁷ Menurut Ajaran Taslim, anak yang dilahirkan hasil persetubuhan dengan guru dikira sebagai anak yang solih (Dlm. Kertas kerja seminar Usuluddin: Islam Dan Aliran-aliran Pemikiran Masa Kini, oleh Abdul Fatah Haron ‘Ajaran Sesat di Malaysia’, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya, pada 20-21 hb. Februari 1988, hal: 20)

- 2) Kumpulan Anti-Hadith. Masih lagi bergerak di Pulau Pinang.
- 3) Hakikat Insan (Haji Ahmad Laksamana) di Kelantan.
- 4) Ayah Pin di Besut, Terengganu.
- 5) Ahmad Ismailiyah. Ianya bermula di Kedah, kemudiannya berkembang ke negeri lain seperti Selangor, Johor, Perak dan Pahang.
- 6) Al-Arqam. Kini ianya bergerak di atas nama lain dan masih mengamalkan *Aurad Muhammadiyah* yang telah diharamkan.
- 7) Ajaran Rahim di Lembah Kelang. Ianya lebih bersifat perbomohan dan amalan yang dilakukan pada waktu malam. Walau bagaimana pun ianya masih belum diwartakan sebagai kumpulan ajaran sesat.
- 8) Syiah. Bergerak di Lembah Kelang, Johor dan lainnya. Ianya juga dianggotai oleh golongan intelek seperti pensyarah dan sebagainya.
- 9) Ajaran Haji Ghazali juga di Lembah Kelang. Mula aktif di sekitar tahun 2000. Ajarannya pula hampir sama dengan ajaran Martabat Tujuh.
- 10) Qadyani yang bergerak di negeri Selangor, Johor, Melaka, Kedah, Sabah dan lain-lain. Tapi kebanyakan tempat-tempat gerakannya tidak diketahui secara tepat.
- 11) Samaniah Ibrahim Bonjol.
- 12) Martabat Tujuh. Mutakhir ini telah dikesan bergerak di Selangor, Perak dan Negeri Sembilan.
- 13) Ajaran Tok Mat Janggut di Pulau Pinang. Ajarannya mirip Hakikat Insan dan ianya sudah pun diwartakan sebagai ajaran sesat.
- 14) Ajaran Hussien Janggut di Langkawi yang hampir sama dengan Martabat Tujuh. Fatwa mengenainya telah dikeluarkan dan hanya menunggu masa untuk diwartakan.

15) Ajaran Hakikat Insan oleh Haji Ahmad Laksamana. Ianya mula diketahui apabila tersebarnya buku bertulisan tangan tentang ajaran mereka tanpa penerbit pada 1985. Ianya dikenali juga dengan ajaran ‘Tajalli’ yang tidak mempunyai bahan rujukan bercetak. Sebelum itu, pada 1922 sebuah kitab bertajuk “*Asrar*” hasil karangan Mohd. Salleh Al-Mankaboi telah diterbit. Ianya mengandungi elemen-elemen Wahdatul wujud dan bercampur Batiniyah. Mohamad Laksamana merupakan pelopor ajaran Wahdatul Wujud Martabat Tujuh di Malaysia. Bukunya, “*Hakikat Insan*” 1992 telah diharamkan.⁸

Menurut laporan *Berita Harian, Selasa, 25 Julai 2000*, ada 96 kumpulan yang menyelewengkan ajaran Islam. Ianya menjadi ancaman yang besar kepada kesucian ‘aqidah di negara kita. Daripada jumlah itu, 53 daripadanya telah dibuktikan sebagai ‘sesat’ serta dinasihatkan kembali kepada kebenaran. 43 daripadanya telah pun memberhentikan gerakan mereka. Di antara kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang disenaraikan ialah:

- 1) Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah).
- 2) Aurad Muhammadiah (Darul Arqam)
- 3) Ilmu Tajalli atau Hakikat Insan
- 4) Tarikat Ayah Pin.⁹
- 5) Ajaran Taslim.
- 6) Ajaran Hakikat Haji Ghazali Othman.
- 7) Qadyani Ahmadiyah.

⁸ Temu bual, *op.cit*, 31 Julai 2000.

⁹ Hasil temu bual dengan bekas pengikut Ayah Pin pada 10 Jun 2000, Tariqat Ayah Pin juga dikenali sebagai Kumpulan Zikrullah Ayah Pin.

- 8) Tariqat Naqsyabandiah.
- 9) Ajaran Ilmu Hakikat Jahar Dumin.
- 10) Tariqat Mufarridiah.
- 11) Ajaran Al-Baha'iyyah.
- 12) Ajaran Batiniyah.
- 13) Tariqat Samaniah Ibrahim Bonjol.¹⁰

Manakala menurut senarai yang keluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah sebagaimana berikut:

1). AJARAN AHMADIAH/QADIANI

Ajaran ini mula muncul pada 1885 di India dan telah berkembang di beberapa kawasan di Malaysia seperti di Kg. Nakhoda, Batu Caves, Serdang (Selangor), Jasin (Melaka) dan Kedah. Terdapat juga di Malaysia Timur seperti di Kota Kinabalu dan Sandakan, Sabah.¹¹ Gurunya yang utama ialah Mirza Ghulam Ahmad Qadiani.¹²

Di antara isi ajarannya ialah:

- 1) Mirza Ghulam Ahmad mendakwa;

¹⁰ Berita Harian, Selasa, 25 Julai 2000, hal: 22

¹¹ Temubual dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai 2000, *op.cit.*

¹² Dlm. *Qadyani Bukan Ajaran Islam*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Cetakan keempat 1998, hal: 1, mengatakan bahawa beliau berbangsa India (Daerah Gundar, Sapur, India) 1839 – 25 Mei 1908 meninggal di Lahore. Perkataan ‘Ahmadiah’ adalah disandarkan kepada nama beliau iaiti Mirza Ghulam Ahmad sebagai pengasas ajaran ini. Manakala Qadyani diambil dari nama kampung asal Mirza. Bapanya bernama Mirza Ghulam Murtaza bin Mirza Atta Muhammad. Berketurunan Borlas dari bangsa Mongkul. Tidak lama kemudian beliau mendapat ilham bahawa beliau berasal dari bangsa Parsi dan berasal dari Samarkand kemudian menetap di Qadyan. Mirza Ghulam Ahmad mempunyai dua orang anak, iaitu Mirza Sultan Ahmad dan Mirza Fazal Ahmad. Beliau kemudian menceraikan isterinya dan mengahwini anak perempuannya sendiri. Beliau juga merupakan pengidap *Hysteria* yang selalu menyerangnya.

- a) Sebagai Nabi yang menerima wahyu.¹³
 - b) Imam Mahdi.
 - c) Iesa al-Masih.
 - d) Mempunyai mu'jizat.
 - e) Para nabi menyaksikan dirinya.
 - f) Malaikat sebagai pancaindera Tuhan.
 - g) Nabi Isa a.s. telah mati dan kuburnya di Srinagar.
- 2). Melakukan ibadah Haji di Qadian India.
- 3). Menafikan jihad.
- 4). Mengubah ayat-ayat Quran.
- 5). Kumpulan ini menerbitkan beberapa buah buku yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri iaitu;
- a) "*Invitation To Ahmadiyah*" yang dikarang oleh Hazrat Hj. Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih 11).
 - b) "*Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyah*" yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema'at Ahmad.
 - c) "*Alam Sebagai Saksi*" yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hassan.
 - d) "*The Holy Quran With English Translation And Commentary*" (Vol. 11. Part 1) di karang oleh M.Masu'd Ahmad.
- 6). Ajaran ini mendakwa bahawa masih ada Nabi dan Rasul selepas Nabi Muhamad.

¹³ Dakwaannya yang terakhir paling merbahaya ialah sebagai Nabi pada tahun 1901. Sebelum itu dalam khutbahnya beliau mendakwa apa-apa dakwaan darinya adalah wahyu atau ilham dari Allah, bukan dari dirinya sendiri. (Dlm. *Qadyani Bukan Ajaran Islam*, hal: 12)

Antara tindakan dan hukuman yang telah dilakukan ke atas kumpulan ini seperti;

1. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia pada 29 – 30 April 1975 telah memutuskan bahawa ajaran ini terkeluar dari ajaran Islam.
2. Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang ke-101 pada 18 Jun 1975 membuat keputusan seperti berikut: “Puak Qadiani/Ahmadiyah adalah puak yang terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menerima hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam”.¹⁴

Jawatankuasa Fatwa Negeri telah mengeluarkan fatwa; a) Negeri Sembilan – (Warta 6.6.1985) N. 148 b) Selangor – 25.11.1975 dan perakuan fatwa 1.6.1998 (No. Warta Sel. P.U. 15)- Tarikh Warta:29.9.98 c) Kedah – 1985 d) Johor – 1985.¹⁵

2). AJARAN TIJAH @ KHATIJAH BT. ALI ATAU AJARAN WAHDATUL WUJUD¹⁶

Ajaran ini muncul sejak 1988 . Gurunya ialah Tijah atau Khatijah bt. Ali. Ianya telah dikesan dan berkembang di Kg. Sentosa, Kuala Lumpur. Batu 13, Puchong, Selangor.

Antara isi kandungan ajarannya ialah:

- a) Membawa ajaran Wahdatul Wujud dan Martabat Tujuh.

¹⁴ Tembusul dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai2000, *op.cit.*

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid*

- b) Menganggap ungkapan tokoh tasawuf sebagai hadith.
- c) Membawa konsep Nūr Muhamad.
- d) Berzikir sehingga tidak sedarkan diri.
- e) Sesiapa yang menangis dalam solat dianggap syirik, kerana yang wujud ialah Ahmad.
- f) Mendakwa roh serupa dengan manusia, berwarna putih tetapi tidak mempunyai rongga yang bernama Ahmad.
- g) Menggunakan kitab yang mengelirukan untuk pengajian.
Menambah Saidatina Fatimah bt. Rasulullah dalam dua kalimah syahadah.
- h) Memberi tafsiran mengelirukan mengenai Isra' dan Mi^{raj}.
Menyatukan watak Allah, malaikat, Ādam dan iblis sebagai Allah mengikut keadaan.
- i) Mendakwa rahsia manusia di antara huruf alif dan yaa.
- j) Menghuraikan pecahan kalimah *La ilaha illallah*.

Tindakan dan hukuman yang telah dikenakan ke atas kumpulan ini ialah:

- i. Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan pada 14.6.1989 telah memutuskan bahawa ajaran ini adalah bertentangan dengan a^qqidah dan ditegah mengikut dan mengamalkannya. Warta 6.7.1989 No. P.U(B) 324.
- ii. Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Selangor telah memfatwakan ini ajaran sesat pada 12.1998. Warta : No: Sel. P.U. 8 Tarikh Warta : 24.9.1998¹⁷

¹⁷ *Ibid.*

3). TARIQAT SAMANIAH (IBRAHIM BONJOL)

Muncul sejak 1950an. Gurunya yang utama ialah Syeikh Hj. Ibrahim bin Abdullah atau dikenali juga dengan Ibrahim bin Bonjol (Medan, Indonesia) dan telah meninggal. Ianya telah dapat dikesan bergerak dan berkembang di:

- i) Kg. Pandan, Kuala Lumpur.
- ii) Batu 17 ¼, Kg. Cempaka, Kuang, Selangor.
- iii) Surau Tuanku Imam Bonjol, Lot. 2935D, Kg. Paya Jaras Hilir,
- iv) Sg. Buluh, Selangor (Ketua: Hj. Harun b. Hj. Othman)
- iv) Surau Gombak Setia, No. 35, Gombak Setia, Kuala Lumpur. (Ketua: Lebai Maidin)
- v) Surau Samaniah, Kg. Pulau Meranti, Sepang, Selangor (Ketua: Hj. Mahyuddin bin Syafie)¹⁸

Antara isi ajarannya ialah:

- a) Sebelum seseorang murid diterima menjadi ahli wajib mandi dengan air limau/bidara untuk membersihkan dosa.
- b) Bersedekah dan menghormati guru adalah menjadi kewajipan bagi murid-muridnya.
- c) Kitab *Thabitul Qulub* yang dijadikan asas kepada tarikat berkenaan didapati banyak bertentangan dengan pegangan umat Islam.
- d) Mengamalkan zikir dan wirid tertentu yang terkumpul dalam buku *Baitul Ibadah*.

Terdapat 26 adab kesopanan murid kepada guru yang perlu dipatuhi, antaranya tidak boleh murid berkahwin dengan isteri guru yang diceraikan atau ditinggalkan mati.

¹⁸ Ibid

- e) Jika seorang mati ketika berulang alik ke tempat belajarnya untuk mempelajari tariqat berkenaan maka Tuhan sendiri yang akan mencabutkan nyawanya itu.
- f) Sembahyang boleh dilakukan dengan niat sahaja (atau boleh ditinggalkan semasa dalam kesibukan, kemudian diqadha).
- g) Nikah boleh dilakukan tanpa wali dan saksi (nikah batin)
Orang yang belum masuk tariqat ini dianggap belum sempurna Islamnya dan perlu dilaksanakan oleh guru tarikat atau wakil tarikat ini.
- h) Jika sudah masuk tarikat ini, tidak perlu lagi pengajian ilmu-ilmu syaria¹⁹.
Ajaran-ajaran dalam tarikat ini dirahsia daripada bukan pengikut. Tariqat ini juga disebut sebagai Tuan Sirr (rahsia).
- i) Murid mesti patuh sepenuhnya kepada guru zahir dan batin, jika guru menyatakan jodoh seseorang pengikut itu dengan seseorang yang lain maka ia perlu dipatuhi. Syeikh Ibrahim Bonjol, guru tarikat ini mendakwa mempunyai ‘mu‘jizat’ iaitu dengan mengeluarkan air dari tangannya.
- j) Pergaulan bebas antara bukan muhrim dibolehkan antara ahli, jika dengan niat yang ikhlas.
- k) Al-Quran dianggap sebagai sejarah sahaja.¹⁹

Tindakan dan hukuman yang telah dikenakan ke atas kumpulan ini ialah:

- i. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun 1971 telah mengharamkan buku (*Thabitul Qulub*) yang menjadi panduan tarikat ini.

¹⁹ *Ibid*

ii. Telah difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor pada 19 Januari 1998.

No. Warta : Sel. P.U. 9

Tarikh Warta : 24.9.98²⁰

4). KUMPULAN AJARAN SYIA^cH

Muncul pada 1979. Berkembang di Selangor, Wilayah Persekutuan K.L., Kelantan, Johor, Perak dan Melaka. Syia^ch di Malaysia merupakan satu kelompok pecahan dari umat Islam yang merangkumi lebih kurang 10% dari seluruh umat Islam di dunia.²¹

Di antara isi ajarannya, ialah:

A. Penyelewengan Dari Sudut A^cqidah

- a) Imam adalah ma^csum.
- b) Kemunculan semua Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan.
- c) Berpura-pura.
- d) Saidina ^cAli disama tarafkan dengan Allah S.W.T.
- e) Menghalalkan nikah Mut^cah.
- f) Khalifah diwasiatkan secara Nas.
- g) Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia.
- h) Muhamad bin Hassan al-^cAskari ialah Imām Mahdi al-Muntazar.
- i) Mengkafirkan para sahabat Rasulullah s.a.w.
- j) Menambah syahādah.

²⁰ Ibid.

²¹ *Penjelasan Terhadap Fakaman Syiah*, Cetakan ketiga, JAKIM, Kuala Lumpur, 1997, hal: 1

- k) Menolak hadith yang diriwayatkan oleh ahli Sunnah wa al-Jama'ah sekalipun hadith Mutawatir.²²

B. Penyelewengan dari Sudut Syari'at

- a) Menolak Ijma' Ulama.
- b) Menolak Qias.
- c) Mengamalkan Nikah Mut'ah.
- d) Menolak 'aul dan mendahulukan Qurabah dari Asobah dalam masalah Pusaka.
- e) Menuduh Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikut adalah musuh Allah.
- f) Hanya 'Ali menghimpun al-Quran dengan sempurna.

C. Pelbagai Penyelewengan Umum

- a) Menziarahi kubur Saidina Hussain, ganjaran syurga.
- b) Menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharram.
- c) Menghina Abu Bakar dan 'Umar serta dua orang isteri Nabi s.a.w. iaitu Saidatina 'Aishah dan Hafsa.
- d) Mengharuskan jama' sembahyang dalam semua hal.
- e) Sembahyang Dhuhah adalah haram.
- f) Menetapkan prinsip khumus sebagai kadar zakat.
- g) Imāmah dan Khilāfah daripada rukun Islam dan ianya berlaku melalui nas.
- h) Islam bukan syarat wajib haji.

²² Temubul dengan Ust. Abdul Aziz, 31 Julai 2000, *op.cit.*

- i) Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya.²³

Tindakan dan hukuman yang telah dikenakan:

- a) Difatwakan oleh 6 buah negeri;

Selangor : 19 Januari 1998 No. Warta : Sel. P.U. 10 Tarikh Warta : 24.9.98

Sembilan : 12 Mac 1998 No. Warta : N.S. P.U. 5 Tarikh Warta : -

P. Pinang : 16 Januari 1997 No. Warta : Pg. P.U.I. Tarikh Warta : -

Wilayah Persekutuan : 3 April 1997 No. Warta : W.P. PU(B) 106 Tarikh Warta : 27 Julai 1997

Terengganu : 25 September 1997 No. Warta : PUN Tr. (142) Tarikh Warta : 25 Sept. 97

- b) Majlis Penjelasan ⁶Aqidah telah diadakan di Kuala Lumpur, Johor dan Perak 1997 tahun 1999. Kursus Pemurnian ⁶Aqidah kepada Kader Syi⁶ah pada Ogos 1998 di Kemunting Perak.²⁴

5). AJARAN ISLAM JAMA^CAH

Muncul pada 1977. Hj. Nurhasan al-Ubaidah Lubis yang berasal dari Indonesia. Ianya telah didapati berkembang di:

- i) Klang, Ulu Langat, Kuala Langat, Selangor.
- ii) Selayang, Selangor
- iii) Tawau, Sabah.

²³ Ibid.

²⁴ Ibid.

Antara isi ajarannya ialah:

a. Membawa ajaran Wahdatul Wujud dan Martabat Tujuh:

- i. Murid-murid dikehendaki berbaiah dengan mengakui Haji Nur Hassan al-Ubaidah lubis sahaja Amirul Mukminin.
- ii. Mendakwa Amir sebagai sumber hukum.
- iii. Mendakwa kumpulan mereka sahaja yang mengamalkan cara Islam yang sebenar sementara bukan ahli dianggap kafir.

b. Kesalahan dari Sudut Syari'ah :

- i. Menolak sumber hukum iaitu ijma²⁴ dan Qias.
- ii. Menganggap najis *Mughallazah* tidak perlu disamak.
- iii. Mendakwa hanya najis manusia yang dianggap najis.
- iv. Tafsiran air dua kolah yang mengelirukan.
- v. Melakukan solat Jumaat di rumah.
- vi. Mengeluarkan hukum bahawa mana-mana binatang yang mati di kawasan/perkampungan orang Islam tidak perlu disembelih dan halal di makan.
- vii. Lelaki dan perempuan *ajnabi* tidak batal wuduk jika bersentuhan.
- viii. Tidak menghormati al-Quran dengan meletakkan di tempat yang tidak sewajarnya.²⁵

²⁴ Ibid

c. Kesalahan-kesalahan lain:

i) Mengenai poligami adalah seperti berikut:

- Ahli biasa dilarang berpoligami.
- Amir daerah tidak lebih dua orang.
- Wakil Amir tidak lebih tiga orang.
- Amirul Mukminin tidak lebih dari empat orang.

ii) Sistem Infaq (mengeluarkan zakat).

- Infaq biasa seminggu sekali selepas sembahyang Jumaat.
- Infaq harian dikeluarkan setiap hari iaitu sebanyak 10% daripada pendapatan.
- Infaq harta kekayaan (fisabilillah) ditentukan oleh Amir jumlahnya.

iii) Kifarat

Jumlah kifarat bergantung kepada Amir berdasarkan kecil atau besar kesalahan seseorang itu dan kemudian bertaubat kepada Amir.

Antara tindakan dan hukuman yang telah dikenakan ialah:

- i) Diputuskan haram oleh Kerajaan Indonesia pada tahun 1971.
- ii) Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memfatwakan pada 12 Februari 1998.

No. Warta : Sel. P.U. 11

Tarikh Warta : 24.9.98²⁶

²⁶ Ibid

6). AJARAN ILMU HAKIKAT HASSAN BIN JONIT

Ianya muncul pada 1998 di negeri Selangor. Gurunya ialah Hassan bin Jonit.

Antara isi kandungan ajarannya ialah:

- a. Guru mengaku;
- i) Telah bertemu Allah.
- ii) Bertemu Nabi Muhamad dan pertemuan itu menghasilkan hadith Qudsi.
- iii) Boleh mentafsirkan mimpi.
- iv) Orang yang berdahi hitam tanda bela jin.
- v) Nampak iman seperti babi jika buka mata dalam solat.
- vi) Mendakwa sebagai wakil guru seluruh dunia yang telah diijazahkan oleh Rasulullah s.a.w. dan datang dari Luh Mahfûz yang dilantik ke bumi iaitu Baladil Amīn.

- b. Menolak adanya Hari Qiamat.
- c. Menyalah tafsirkan al-Quran.
- d. Mandi wajib hanya dengan celup jari.
- e. Melarang berdoa untuk orang lain.
- f. Mengarang buku yang mengadungi 19 bab seperti berikut:²⁷

 1. Bab Hakikat
 2. Bab Fātiḥah
 3. Bab Bismillah

²⁷ *Ibid*

4. Bab Bismillah
5. Bab Al-Quran dan Kitab
6. Bab Takbīratu al-ihram.
7. Bab Sembahyang
8. Bab Kaum Ibu
9. Bab Roh/Nyawa
10. Bab Ma^cani
11. Bab Nabi 1
12. Nab Nabi 2
13. Bab Tauhīdu al-zāt 1
14. Bab Tauhīdu al-zāt 2
15. Bab Guru
16. Bab Sifat
17. Bab Ma^rifat
18. Bab Hati
19. Bab Muqaddimah Bagi Orang Baru

Antara tindakan dan hukuman yang telah dikenakan ke atas kumpulan ini ialah:

Jawatankuasa Fatwa Selangor telah memutuskan ajaran ini menyeleweng dari ajaran Islam pada 23.3.1998. No. Warta : Sel. P.U. 13. Tarikh Warta : 24.9.1998²⁸

²⁸ *Ibid.*

7). AJARAN SULAIMAN (BAHTERA NABI NOH)

Ajaran ini telah muncul pada 1980an. Gurunya bernama Sulaiman bin Mohd. Said.

Ianya telah berkembang di Kelang, Selangor

Antara isi kandungan ajarannya ialah:

a). Mendakwa;

- i) Diri sebagai Nabi ^oIsa dan akan muncul semula.
- ii) Mendapat ajaran al-Quran terus dari Allah.
- iii) Akan diadakan pertemuan empat umat ahli Muhamad iaitu;
 - a. Nabi Ibrahim (orang Arab)
 - b. Nabi Noh (orang Melayu)
 - c. Āli-Imrān (Orang Inggeris dan Jerman)
 - d. Nabi Musa (Orang Israel)
 - e. Para Nabi, Rasul dan Wali Allah. ²⁹
- iv) Nabi Ādam dan Nabi ^oIsa adalah roh yang sama.
- v) Akan berlaku banjir di Daerah Kelang. Lalu mendirikan bangunan berbentuk bahtera sebagai mengikut suruhan Nabi Noh).
- vi) Kitab al-Quran terjemahan A. Hassan (Bandung) sahaja yang menepati kehendak Islam dan diakui oleh Nabi Ibrahim.
- vii) Mendapat petunjuk dari langit dan mimpi bahawa kumpulan ini sahaja yang

²⁹ Ibid

- iv) Nabi Ādam dan Nabi ^cIsa adalah roh yang sama.
 - v) Akan berlaku banjir di Daerah Kelang. Lalu mendirikan bangunan berbentuk bahtera sebagai mengikut suruhan Nabi Noh).
 - vi) Kitab al-Quran terjemahan A. Hassan (Bandung) sahaja yang menepati kehendak Islam dan diakui oleh Nabi Ibrahim.
 - vii) Mendapat petunjuk dari langit dan mimpi bahawa kumpulan ini sahaja yang mengamalkan ajaran Islam sebenar.
- viii) Laungan lagu *asmā' al-Husna* akan disiarkan di Mekah suatu ketika nanti sebagai pengiktirafan dari Rasulullah s.a.w dan akan disaksikan oleh para Nabi, Rasul dan syuhada'. Selepas itu Nabi, Rasul akan masuk kumpulan ini.
- b) Menuduh semua ^cUlama' di Malaysia tidak betul dan hanya kumpulan ini sahaja yang mengamalkan ajaran Islam sebenar.
 - c) Solat Zohor dan Asar boleh dijama^ckan ketika bertugas untuk kepentingan kumpulan ini seperti mendirikan bangunan seperti amalan solat.
 - d) Semua wang yagn dibelanjakan dalam kumpulan ini hendaklah dibelanjakan dengan niat *fī sabillillah* dan sebagai zakat.
 - e) Merahsiakan pergerakan dan ajaran kumpulan ini. Mereka yang ingkar dianggap munafiq.³⁰
 - f) Menggunakan khadam (jin) bernama *Mr. Programmer* untuk membantu dalam segala urusan dan tindakan.

³⁰ *Ibid.*

g) Mengamalkan zikir-zikir dan wirid yang berbeza.

Antara tindakan dan hukuman yang telah dikenakan ialah:

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa ajaran ini menyeleweng dari ajaran Islam. No. Warta : Sel. P.U. 12. Tarikh Warta : 24.9.1998.³¹

8). AJARAN SYED MOHAMAD AL-MASYOR

(TARIQAT ISLAM ATAU KUMPULAN IKHWAN ATAU AL-MAS)

Muncul pada tahun 1960an. Gurunya ialah Syed Mohamad al Masyhor (Meninggal 16 Julai 1974) Ianya didapati berkembang di negeri-negeri seperti:

- i) Wilayah Persekutuan (Kg. Baru)
- iii) Selangor (Cheras, Petaling Jaya)
- iv) Melaka (Umbai, Peringgit)
- v) Negeri Sembilan (Seremban)

Isi ajarannya ialah:

- a) Gurunya mendakwa Rasulullah telah mengamanatkan kepadanya sebagai pengganti Nabi Muhammad s.a.w.
- b) Pengikut-pengikutnya mendakwa tidak sah muslim itu kalau tidak diIslamkan oleh Rasulullah atau wakilnya (guru ajaran ini).

³¹ *Ibid*

- c) Perkahwinan dengan orang bukan pengikut ajaran ini tidak sah kerana mereka belum Islam lagi.
- d) Semua pengikut digelar “Ikhwān” dan menghormati keturunan Syed Mohamad kerana mereka adalah keturunan Rasulullah.
- e) Pengikut-pengikut ajaran ini tidak boleh sembahyang di belakang orang yang bukan pengikut ajaran ini.
- f) Amalan sembahyang, puasa dan lain-lain tidak dihiraukan oleh pengikut ajaran ini. Pengikut ajaran ini dijamin masuk syurga dan mendapat mandat syafa'at Rasulullah atas kesalahannya.³²

Tindakan dan hukuman yang telah dikenakan ialah:

- i. Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan telah memutuskan bahawa ajaran ini bukan dari ajaran Islam pada tahun 1978. No. Warta: P.U. (B) 266. Tarikh Warta: 28.5.1988.
- ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa ajaran ini menyeleweng dari ajaran Islam, pada 19.10.1998. No. Warta : Sel. P.U. 14.

Tarikh Warta: 24.9.1998.

³² *Ibid.*

3.2 . JENIS-JENIS AJARAN SESAT

3.2.1.Tariqat.

Kumpulan ajaran sesat di Malaysia banyak berselindung di sebalik amalan tariqat. Ianya bertujuan menarik minat pengikut dan menguasai jiwa mereka. Guru mudah memperdaya muridnya lalu menggunakan dan mengambil kesempatan ke atas mereka demi kepentingan peribadinya. Guru juga menyembunyikan kesesatan ajarannya di sebalik zikir-zikir songsang yang diamalkan. Murid yang jahil terus meyakininya sepenuh hati sehingga muridnya percaya sepenuhnya bila guru mendakwa boleh menolak kiamat dengan zikir yang diajarkan.³³

Tariqat banyak dipergunakan oleh kumpulan jaran sesat untuk mendapatkan pengaruh dan sokongan orang ramai (mangsanya). Banyak kumpulan yang menggunakan nama tariqat bagi kumpulan mereka seperti Tariqat Samaniah Ibrahim Bonjol, Tariqat Mufarridiyah, Tariqat Naqsyabandiyah dan bermacam nama lagi berdasarkan tariqat. Dalam masa yang sama ‘syiekh’ atau guru tariqat tersebut telah berjaya menyesatkan orang lain. Dari kalangan mereka yang mengaku mengetahui alamat samada amalan diterima atau ditolak dan berbagai perkara ghaib yang lain. Ada yang mengenakan syarat amalan zikir tertentu kepada muridnya seperti mana al-Arqam yang mengamalkan *Aurad Muhammadiyah*. Terdapat tariqat sesat yang mengamalkan zikir sehingga tidak sedarkan diri seperti Ajaran Tijah di Kuala Lumpur. Ada yang berzikir (ratib) dengan kuat

³³ *Dakwah*, Bil. 147. Thn. XIII, Zulkaedah 1409/ Jun 1989,(Pctikan dari buku “Penjelasan Terhadap Beberapa Penyelewengan Dalam Tarikat”, Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM.)

sehingga didengari oleh penduduk kampung bersebelahan sebagaimana amalan *Zikrullah Ayah Pin* di Besut. Ternyata propaganda dan kosmetik mereka menjadi sehingga para pengikut percaya bahawa guru boleh memberi ijazah secara spontan tanpa usul periksa. Ternyata syiekh mampu menguasai pemikiran murid-muridnya sehingga apa sahaja perintah diikuti dan apa saja yang diajari dipatuhi dan diyakini dengan sepenuh hati walau pun syiekh mendakwa beliau bercantum dengan Allah, ada juga yang mendakwa sebagai Imam Mahdi dan sebagainya yang tidak masuk akal sehingga membenarkan syiekh mengeksplorasi seks ke atas isteri dan pasangan mereka serta mengawal harta benda mereka.³⁴

Pada hakikat sebenar, ajaran-ajaran sesat yang terdapat di Malaysia berbentuk tariqat atau cenderung kepada danya. Ianya bertujuan untuk berselindung dan menguasai pemikiran para pengikut dengan menyalah gunakan konsep ‘syiekh mursyid’. Realiti sebenar, mereka merupakan orang jahil yang amat jahat dan menganut fahaman *Wujudiah* dan *Batiniyah* yang sentiasa berusaha memesongkan aqidah umat Islam seterusnya melenyapkan Islam. Mangsa juga merupakan mereka yang jahil tentang ajaran Islam yang sebenar. Bahkan mereka merasakan ‘jalan’ yang mereka lalui sahajalah yang membawa ke syurga.³⁵

³⁴ *Al-Islam*, April 1998, Oleh Salina Ibrahim, hal: 56

³⁵ Temu bual dengan Ustaz Abdul Hamid bin Yunus, *op.cit*, 31 Julai 2000

3.2.2. Amalan kuno dan khurafat³⁶

Menurut *Mu'jam al-Wasīt*, khurafat bermaksud “cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampur adukkan dengan perkara-perkara dusta”.³⁷ Berdasarkan beberapa takrif yang diteliti, pihak JAKIM telah menyimpulkannya seperti berikut: “Khurafat ialah semua cerita samada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam”. Berdasarkan takrif ini, ianya merangkumi cerita yang direka, bersifat karut dan dusta.³⁸

Terdapat berbagai amalan kuno yang berkait rapat dengan khurafat dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam sebagaimana unsur dinamisme, animisme dan sebagainya. Dari segi aqidah, beramal dengan ajaran kuno dan percaya kepada perkara-perkara khurafat boleh membawa kepada syirik, rosak aqidah dan menjadi mundur dengan pemikiran yang jumud dan sempit. Contohnya masih ada yang percaya ular yang melintasi seseorang yang sedang berjalan boleh membawa alamat perkara yang buruk akan berlaku. Juga masih ada yang percaya bahawa pokok yang besar mempunyai penunggu yang boleh memberi mudharat kepada seseorang. Bagi kaki judi pula, ianya menjadi tempat permohonan bagi mendapatkan nombor ekor dan sebagainya.³⁹

Terdapat banyak kepercayaan karut dan khurafat yang berkait rapat dengan amalan kuno dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam. Terutamanya yang tinggal

³⁶ Khurafat ialah perkara-perkara tahuyl yang pada kebiasaananya tidak diterima akal dan tidak ada kena mengena dengan Qadha' dan Qadar. (Dlm. *Dakwah*, Bil. 131, Thn. XII, Jamadil Akhir 1408/ Feb. 1988, Oleh Hj. Kamaruddin M. Zin).

³⁷ Dr. Ibrahim Anis, et.al., *Al-Mu'jam Al-Wasit*, Juz. 1, Cetakan Kedua, Kaherah, 1972, hal: 237

³⁸ *Garis Panduan Khurafat Dan Azimat*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur, 1997, hal: 2

³⁹ *Dakwah*, Bil. 131, Thn. XII, Jamadil Akhir 1408/ Februari 1988, oleh Hj. Kamaludin M. Zin.

di desa, lebih-lebih lagi yang jauh di pedalaman dan agak terpisah dari kepesatan pembangunan serta kemodenan. Berbagai adat dan pantang larang masih diamalkan walau pun ianya jelas bercanggah dengan syariat. Antaranya seperti adat bertindik, adat bersanding danberarak, adat berpanggung dan berwayang, adat pantang larang nobat, adat memilih tapak rumah dan mendirikan rumah baru, adat membuka tanah dan adat turun ke laut yang menggunakan pawang serta berjamu penunggu, adat mula bersawah, pantang larang masuk hutan dan sebagainya lagi.⁴⁰

Adat bersanding dan berarak misalnya, ianya banyak dipengaruhi oleh budaya Hindu. Semasa bersanding, kedua-dua pengantin dipertontonkan kepada para hadirin samada ianya kaum kerabat atau hanya sekadar sahabat. Amalan ini juga dianggap sebagai budaya kuno yang mempunyai unsur pembaziran serta perkara-perkara yang tidak disuruh oleh syarak. Menurut Islam perkahwinan mesti dihebahkan kepada kaum keluarga dan masyarakat, tetapi tidak bermakna boleh dipertontonkan sesuka hati dalam keadaan perempuan yang tidak menutup kepala, bersolek, berhias dan sebagainya.

Amalan (adat) berpanggung dan berwayang. Melibatkan berbagai-bagai jenis permainan kebudayaan dan tradisional masyarakat Melayu seperti wayang kulit, makyong, menora dan sebagainya. Jika adat tak ditaati dan pantang larang tak dituruti, dipercayai ianya akan mendatangkan perkara buruk. Maka ianya dilakukan untuk mencari kesejahteraan untuk semua. Misalnya bagi wayang kulit, ketua atau tok guru akan membacakan jampi serapah bagi menolak bala dan gangguan kuasa ghaib.

⁴⁰ A. Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad, *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, 1995, hal: v

Menurut kepercayaan kuno masyarakat Melayu yang beragama Islam, persembahan dan pemujaan merupakan sesuatu yang amat penting dalam usaha menjamin kesejahteraan hidup agar ianya tidak diganggu oleh banyak kuasa-kuasa ghaib. Amalan 'menjamu' penunggu banyak dilakukan terutama semasa memulakan kerja mendirikan rumah baru, mememilih tapak, membuka tanah (hutan), turun ke laut⁴¹ dan sebagainya. Jampi serapah pawang dan bomoh memainkan peranan yang amat penting. Pada peringkat tertentu mereka menyembelih binatang ternakan mengikut arahan bomoh atau pawang. Tetapi dilarang kepada semua yang hadir mengambil walau pun sebahagian dari binatang sembelihan tersebut kerana ianya khas untuk penunggu yang dipercayai sejak turun temurun.⁴²

3.2.3. Anti Hadith⁴³

Menurut buku '*Penjelasan Terhadap Fahaman Anti Hadith*' terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri bahawa isu dan masalah Anti Hadith di Malaysia bermula sejak tahun 1986. Ianya berpunca dari penulisan sebuah buku yang

⁴¹ Biasanya ia dilakukan pada setiap tahun sebagai tanda penyembahan terhadap penunggu dan semangat laut yang ada. Jika ianya tidak dilakukan, mereka percaya akan mendapat bala dan mereka sukar mencari rezeki sebagaimana biasa. (*Adat dan Pantang larang orang Melayu*, hal:78). Bagi amalan dan adat-adat memilih tapak rumah amat dititik beratkan oleh masyarakat kuno. Menurut mereka, jika tersalah pilih kawasan kita akan mengganggu penunggu di kawasan tersebut samada menyekat lajuan mereka atau sebagainya. Biasanya pawanglah yang menjadi orang tengah antara penunggu dan orang yang mahu menetap di situ. Oleh demikian 'jamuan' merupakan sesuatu yang amat penting sebagai tanda minta izin menetap di tempat tersebut. (Hal: 73). Begitu juga dengan amalan kuno yang dilakukan sempena memulakan berswah di kawasan baru. Upacara jampi serapah dan penyembahan dilakukan sebagai 'pacak semaihan'. Ianya dilakukan untuk menghindarkan dari gangguan penunggu. Mereka juga percaya jika ianya tidak dilakukan, mereka tidak akan mendapat hasil yang baik. Kepercayaan kuno serta adat ini diteruskan juga walaupun jelas bertentangan dengan akidah umat Islam, namun ianya diteruskan juga demi kemerahan serta memelihara kepercayaan dan kebudayaan warisan bangsa. (Hal: 96)

⁴² A. Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad, *op.cit*, hal: 41

⁴³ Gerakan Anti Hadith mempengaruhi umat Islam di seluruh dunia dengan melancarkan beberapa slogan yang mengelirukan masyarakat Islam. Melalui slogan-slogan yang mereka dapat;

i-Menyebarkan fahaman sekular.

ii-Menyebarluaskan fahaman Anti Hadith/ Ingkar Sunnah

iii-Bebas memanipulasi mahasiswa-mahasiswa Islam.

bertajuk '*Hadith Satu Penilaian Semula*' yang dikarang oleh Kassim Ahmad. Beliau menggesa agar umat Islam meninggalkan hadith kerana ianya merupakan punca perpecahan ummah. Menurutnya juga, hadith merupakan sesuatu yang 'palsu' dan 'omong kosong' semata-mata. Bahkan ianya menyesatkan manusia dari jalan Tuhan. Oleh yang demikian, umat Islam mestilah berpandukan kepada al-Quran sahaja.⁴⁴

Penyelewengan yang terdapat dalam gerakan Anti Hadith di Malaysia dilihat dari beberapa sudut:

1). Penyelewengan dari sudut 'aqidah:

a). Menolak hadith secara total sebagai sumber 'aqidah dan perundangan Islam.

- 1) Buku '*Hadith Satu Penilaian Semula*' tulisan Kassim Ahmad di halaman 18, 20, 91, dan 112.
- 2) Buku '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*' di halaman 12.
- 3) Buku karangan Rashad Khalifa⁴⁵ juga dari kalangan Anti-Hadith. Sila rujuk bukunya, '*The Computer Speaks: God's Message to The world*' di halaman 507.
- 4) *Risalah Iqra'*, Sya'aban 1415 H/ Januari 1995 di halaman 3.⁴⁶

Meracuni keyakinan mahasiswa dan umat Islam. (Dlm. *Anti Hadith Jarum Yahudi*, hal.3)

⁴⁴ *Penjelasan Terhadap Fahaman Anti Hadith*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1995, hal. 1

⁴⁵ Kassim Ahmad banyak sekali merujuk kepada penulisan Rasyad Khalifa dalam penulisan-penulisanannya tentang Hadith/Sunnah. Menurut Dr. Omar Nasif, Setiausaha Agung Rabitah al-Alam al-Islami, Rasyad Khalifah merupakan pengaruh ajaran sesat Baha'i. Beliau mengemukakan teori 'kod 19' dan mengatakan bahawa Rasulullah ialah manusia biasa, bila dia mati umat Islam tidak perlu lagi mentaatinya. (Dlm. Dakwah, Bil. 136, thn. XII-Zulkaedah 1408/ Julai 1988, oleh Mohd Tahir Busu).

-Rasyad Khalifa merupakan salah seorang dari kuncu-kuncu Goldziher di Mesir. Antara lainnya seperti Dr. Ali Hassan Abdul Qadir (pensyarah Goldziher sendiri), Thoha Hussien, Dr. Ahmad Amin dan Ustaz Abu Rayah. (Lihat *Anti Hadith Jarum Yahudi*, Thinker's Library, Selangor, 1996, hal. 1, oleh Hj. Isa Ismail/ Yusof Hj. Wanjor)

⁴⁶ Penjelasan Terhadap Fahaman Anti Hadith, *op.cit*, hal: 3-4

b). Menolak dua kalimah syahadah.

Kumpulan Anti Hadith berfahaman bahawa Dua Kalimah Syahadah yang diucapkan oleh umat Islam adalah dilarang oleh al-Quran, kerana syahadah yang diwajibkan hanyalah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. Antara penulisan-penulisan mereka yang memperkembangkan ajaran ini ialah:

- 1) Buku Kassim Ahmad yang bertajuk '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*' di halaman 141.
- 2) Akhbar Utusan Malaysia, 14 Julai 1995, kenyataan oleh Othman Ali.
- 3) Buku '*Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhan Mu- Hadith Dalam al-Quran*' oleh Idris Abdul Rahman di halaman 316.⁴⁷

c). Menolak Qadha' dan Qadar.

Kumpulan ini juga menolak kepercayaan kepada Qadha' dan Qadar yang merupakan salah satu rukun iman yang wajib diyakini oleh setiap individu Muslim. Antaranya:

- 1) IQRA' Jil. 3/Bil. 1., Syaaban 1415/ Januari 1995, hal. 2.
- 2) Buku '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*' Kassim Ahmad, hal. 90.
- 3) Petikan dari cerpen '*Politik*' oleh Kassim Ahmad, *Dewan Sastera* keluaran Feb. 1995, hal. 74.⁴⁸

⁴⁷ *Ibid*, hal: 10-11

⁴⁸ *Ibid*, hal: 13-14

d). Memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran.

Antara penyelewengan yang paling nyata yang dilakukan oleh kumpulan Anti Hadith ini ialah menterjemah dan menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut nafsu mereka dan membelakangkan disiplin ilmu Islam. Antaranya:

- 1) Ayat 12 Surah *at-Tagħābun*. Ayat ini telah ditafsirkan dengan maksud bahawa taat kepada Rasul bermakna taat kepada wahyu (Quran). Penjelasan mengenai ayat ini dikembangkan oleh Kassim Ahmad di dalam bukunya '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*' di hal. 26 dan 27.
- 2) Ayat 114 Surah Hud. Pengertian ayat ini telah diselewengkan dengan maksud bahawa sembahyang hanya tiga kali sehari, iaitu Subuh, Maghrib dan 'Isya'. Artikel dalam Utusan Malaysia 14 Julai 1995, kenyataan oleh Othman Ali.
- 3) Ayat 15 Surah Taha. Hal. 57 buku Kassim Ahmad '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*'.⁴⁹

e). Mempertikai kesahihan ayat-ayat al-Quran.

Selain dari memesongkan pengertian ayat-ayat al-Quran, kumpulan ini juga didapati telah mempertikai kesahihan ayat 128 dan 129, surah *at-Taubah*. Kassim Ahmad melalui bukunya '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*' hal. 60.⁵⁰

⁴⁹ *Ibid*, hal: 17-19

⁵⁰ *Ibid*, hal: 21

f). Mendakwa kiamat akan berlaku pada 1710 H/ 2280 M.

Berdasarkan kepercayaan kepada kod 19. Kenyataan ini terkandung di dalam buku '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*' tulisan Kassim Ahmad. "*Angka 309 ada disebut dalam Quran dalam konteks yang berkaitan dengan tamatnya dunia dan kiamat. Ini bermakna Quran sendiri mengesahkan tarikh tamatnya dunia dan kiamat. Oleh yang demikian, dunia ini akan berakhir 309 tahun Hijrah dari 1400 atau 300 tahun Masihi dari 1980 pada 1710 T.H. bersamaan dengan 2280 T.M*". (Hal. 59)⁵¹

g). Menolak berlakunya siksaan kubur selepas mati.

Mereka menafikan berlakunya perkara ghaib selepas mati seperti siksaan kubur kerana ia tidak disebut dalam al-Quran dan hadith-hadith mengenainya adalah palsu belaka. Kenyataan seumpama ini telah dikesan dari:

- 1) Buku '*Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhan-Mu. Hadith Di Dalam Al-Quran*'. Tulisan Idris Abdul Rahman (hal. 269).
- 2) Petikan dari akhbar Utusan Malaysia 14 Ogos 1995, oleh Kassim Ahmad "*Allah tidak akan menghukum manusia sebelum dibicarakan di Padang Mahsyar. Mati ibarat tidur dan jangka waktu di antara mati dengan hari pembalasan bagi mereka (yang sudah mati) adalah terlalu cepat*".⁵²

⁵¹ *Ibid*, hal. 24

⁵² *Ibid*, hal. 27-28

h). Menafikan kedudukan Nabi Ādam a.s. sebagai manusia pertama ciptaan Allah s.w.t.

Kassim Ahmad juga menafikan kejadian Nabi Ādam sebagaimana dakwaannya yang disiarkan oleh akhbar Utusan Malaysia 14 Ogos 1995.

".....Nabi Adam bukanlah manusia pertama secara mutlak yang dicipta oleh Tuhan tetapi ia merujuk kepada tiga konsep. Pertama, Adam melambangkan manusia. Kedua, ia mewakili masyarakat awal tamadun manusia. Ketiga, mewakili Rasul-rasul yang pertama dalam masyarakat mereka."

"Sehubungan dengan itu, manusia pertama dicipta oleh tuhan sebenarnya wujud di beberapa tempat dan mereka boleh dianggap sebagai Adam"

*"Ini benda yang belum pasti Adam bukan ada di satu tempat. Ia ada di beberapa tempat. Manusia yang asal, kita kata Adam dan orang yang menjadi guru yang Allah hantar untuk mereka, juga kita namakan Adam."*⁵³

i). Menolak kemasuhan para Nabi.

- 1) Fahaman ini telah dipelopori oleh Rasyad Khalifa melalui buku '*The Computer Speaks: God's Message To The World*'. Katanya "*And That Muhammad the man committed many mistakes*". (Hal. 507)
- 2) Idea sesat ini telah disokong oleh Kassim Ahmad melalui buku '*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*'. Katanya "*Jika para nabi itu maksum, mereka bukan lagi manusia, bolehkah mereka menjadi teladan kepada manusia?*" (Hal. 48)⁵⁴

⁵³ *Ibid*, hal: 30

⁵⁴ *Ibid*, hal: 32

2). Penyelewengan dari sudut syari'at:

i). Menolak pensyaria'tan sembahyang.

Di dalam beberapa penulisan mereka, kumpulan ini mendakwa bahawa melakukan syari'at Islam cukup dengan al-Quran sahaja. Contohnya dalam kaifiyat melaksanakan ibadat sembahyang. Umat Islam tidak perlu merujuk kepada ajaran Rasulullah s.a.w. kerana amalan sembahyang telah pun ada sejak zaman Nabi Ibrahim. Oleh yang demikian kita boleh melakukan sembahyang dengan cara meniru cara datuk nenek kita melakukannya mengikut cara Nabi Ibrahim, Ismail, Ya'kub, Musa,⁵⁵ Isa dan pengikut-pengikut mereka. Disebabkan al-Quran tidak menyebutkan perincian, maka cara melakukannya bolehlah dengan akal dan perundingan. (fakta ini dipetik dari buku *Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*, Kassim Ahmad, hal. 40-41)⁵⁵

Terdapat juga dalam buku Kassim Ahmad, '*Hadith Satu Penilaian Semula*' hal. 99. Ianya telah diselewengkan lagi oleh Othman Ali, penulis buku *Bacaan*. (Petikan dalam Utusan Malaysia 14 Julai 1995)⁵⁶

ii). Menolak ketetapan hukum feqah Islam tentang aurat wanita.

Kumpulan Anti Hadith ini juga didapati menolak ketetapan yang telah disyari'atkan oleh Islam tentang aurat wanita yang wajib dipelihara dan diikuti oleh setiap umat Islam. Seperti tulisan Kassim Ahmad, "... Wanita Muslim boleh memakai apa

⁵⁵ *Ibid*, hal. 36

⁵⁶ *Ibid*

saja pakaian walaupun mendedahkan anggota-anggota berkenaan dengan syarat ia hendaklah bersopan dan tidak menyalahi adat serta budaya masyarakat setempat. Aurat ialah menutup bahagian sulit yang apabila kita dedahkan menjadi sumbang kepada masyarakat. Tanda tentang aurat ialah wudu', Allah menyuruh kita membasuh muka, tangan dan menyapu kepala. Maknanya kepala itu tidak ditutup, kerana kalau ditutup, tentu Tuhan tidak menyuruh kita menyapunya." (Petikan dari akhbar Utusan Malaysia 14 Ogos 1995, oleh Kassim Ahmad)⁵⁷

3). Penyelewengan dari sudut akhlak:

i). Menghina peribadi dan kedudukan Rasulullah s.a.w.

- 1) "Cuba saudara beri maksud, apabila saudara membaca semasa bertahyai. Betulkah Allah menyuruh kita mengucapkan Assalamualaikum kepada Nabi semasa Allah memerintahkan kita bersolat dengan-Nya, Nabi boleh membalias balik salam kita atau tidak?" (Petikan dari surat Abdul Manan Harun kepada Datuk Abu Hassan Din, 5 Ogos 1989)
- 2) "Menyebut nama Nabi Muhammad dalam kalimah syahadah melanggar perintah Tuhan yang menegah kita daripada membeza-bezakan di antara Rasulrasul-Nya (rujuk 2:285)". (Petikan dari IQRA', Jil. 3/ Bil. 3 Muharram 1416/ 1995 M, hal. 3)
- 3) "Rasul (Muhammad) adalah sama seperti posmen dan dia adalah manusia biasa, tidak perlu didewa-dewakan atau dipertuhankan." (Petikan dari surat

⁵⁷ *Ibid*, hal. 41

Pn. Kalsom bt. Abd. Rahman isteri kepada Wadan Kassim yang dikemukakan kepada BAHEIS pada 15-12-94).⁵⁸

ii). Mencerca serta menfitnah para ulama'.

Mereka sering mencerca dan mencela para ulama melalui penulisan-penulisan mereka seperti:

- 1) Terdapat dalam buku '*Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhan-Mu-Hadith Dalam al-Quran*'. (Oleh Idris Abd. Rahman, hal. 147.)
- 2) "...Apabila umat sudah mempelajari al-Quran, ulama' akan kehilangan pengaruh dan fungsi mereka. Agama tidak akan menjadi punca rezeki yang lumayan lagi." (Petikan dari akhbar Berita Harian 14 Julai 1995, tulisan Wadan Kassim, hal. 10).
- 3) "Dalam hal ini al-Quran mengatakan: Wahai orang beriman sesungguhnya kebanyakan pendita-pendita dan alim ulama itu memakan harta manusia dengan cara yang palsu (batil) dan mereka menghalang manusia dari jalan Allah". (Petikan dari akhbar Berita Harian 14 Julai 1995, oleh Wadan Kassim, hal. 10)⁵⁹

iii). Mencabar dan mempertikaikan kewibawaan Pihak Berkuasa Agama.

- 1) Mereka sering mencabar supaya Pihak Berkuasa Agama mengambil tindakan ke atasnya jika benar fahaman yang mereka bawa bertentangan dengan ajaran Islam. Contohnya: "Kassim Ahmad hari ini mencabar Pusat Islam serta Jawatankuasa

⁵⁸ *Ibid*, hal. 44

⁵⁹ *Ibid*, hal. 48

Majlis Agama supaya mendakwanya jika beliau dan anggota-anggota Persatuan Jemaah al-Quran Malaysia (JAM) benar-benar menyeleweng". Katanya lagi: "Saya fikir saya tidak buat salah, malah hadith itu perlu dikaji dengan teliti mengikut al-Quran". (Petikan dari Utusan Malaysia 26 Julai 1995, kenyataan oleh Kassim Ahmad).

- 2) Mereka cuba mencabar kewibawaan dan menghasut untuk menimbulkan kesangsian terhadap Pihak Berkuasa Kerajaan. Contohnya: "*Saya yakin pengharaman itu dibuat berdasarkan pendapat daripada sesetengah ulama' yang mendesak kerajaan bertindak demikian dan bukan daripada penelitian yang mendalam. Ini satu perkembangan yang tidak sihat dan bahaya kepada individu Islam yang mahu mengembangkan syiar Islam.*" (Petikan dari akhbar Watan 24 Julai 1995, oleh Kassim Ahmad)⁶⁰

iv). Tidak mengikut disiplin ilmu-ilmu Islam.

- 1) Kumpulan ini tidak menghiraukan disiplin ilmu Islam yang sebenarnya. Mereka mengutamakan akal cetek mereka serta menggunakan kaedah saitifik tanpa berpandukan al-Quran, Sunnah, Ijma^c dan qias. Maka jelas bahawa mereka telah sesat dan cuba menyesatkan orang lain.
- 2) Mereka tidak merujuk kepada kitab-kitab muktabar oleh para ulama' yang muktabar. Mereka sebenarnya kumpulan orang-orang jahil yang ingin merosakkan Islam. Mereka merujuk kepada buku-buku karangan Rasyad Khalifa, sarjana-sarjan orientalis seperti Golziher dan Schacht.⁶¹

⁶⁰ *Ibid*, hal: 52

⁶¹ *Ibid*, hal: 54

3.3. CIRI-CIRI AJARAN SESAT

JAKIM telah mengeluarkan beberapa garis panduan tentang ciri-ciri ajaran sesat yang terdapat di Malaysia. Penyelidik juga telah berpeluang menemu bual dua orang pegawai di Bahagian Penyelidikan JAKIM yang bertindak secara langsung dalam usaha kerajaan menangani dan mengatasi masalah ajaran sesat yang berlaku, antaranya:

- 1) Guru atau mereka yang mengaku membuat pengakuan menerima wahyu.
- 2) Mengaku gurunya sebagai Nabi atau malaikat.
- 3) Mempercayai bahawa guru mereka boleh menebus dosa dengan wang.
- 4) Mempercayai semua agama adalah sama.
- 5) Mempercayai ada lagi Nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w.
- 6) Mengaku bahawa Allah menjelma dalam dirinya.
- 7) Mendakwa bahawa mereka ialah wakil nabi dan boleh memberi syafa'at kepada muridnya.
- 8) Mempercayai bahawa wahyu masih lagi turun selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w.
- 9) Mempercayai bahawa orang telah mati boleh memberi pertolongan apabila diseru namanya.
- 10) Mengaku dan mempercayai seseorang itu boleh berhubung terus dengan Allah melalui Nür Muhammad yang berada dalam dirinya.⁶²

⁶² *Ibid.*

- 11) Boleh memanggil roh orang mati dalam amalan menurun oleh bomoh atau tukang sihir.
- 12) Memansuh syari'at Islam dan mencipta syari'at baru.
- 13) Meninggalkan sembahyang Jumaat kerana melakukan suluk.
- 14) Amalan haji tidak semestinya dilakukan di Mekah, bahkan ianya boleh juga dilakukan di tempat lain.
- 15) Mengaku diri sebagai Nabi ⁶³Isa a.s.
- 16) Mengaku mengetahui perkara-perkara ghaib.
- 17) Mengaku dirinya atau guru ma'sum.
- 18) Guru mendakwa tugas-tugas rasul diamanahkan kepadanya.
- 19) Mendakwa bahawa amalan tariqatnya diterima terus dari Rasulullah s.a.w secara jaga.
- 20) Mempercayai bahawa orang-orang tertentu tidak akan mati dan akan lahir semula sebagai Imam Mahdi.
- 21) Mempercayai bahawa bacaan seseorang guru ke atas sesuatu benda seperti batu, gunung dan lain-lain boleh memberi kesan baik atau buruk.
- 22) Mengagung-agungkan keturunan Yahudi sebagai kaum yang baik dan perlu dicontohi.
- 23) Mengaku sebagai Imam Mahdi.
- 24) Mendakwa sebagai wali sedangkan kehidupannya bergelumang dengan maksiat.⁶³

⁶³ Ibid

- 25) Menghalalkan nikah adik beradik.
- 26) Mematuhi dengan membuta tuli ajaran guru walau pun gurunya melakukan kesalahan dan dosa.
- 27) Setiap murid dikehendaki menyerah diri, anak, isteri dan adik beradik dan harta benda kepada guru.
- 28) Islam seseorang itu tidak sah jika tidak dilaksanakan oleh gurunya.
- 29) Semua manusia boleh melihat Allah di dunia ini.
- 30) Mendakwa dirinya atau gurunya mempunyai mu^cjizat.
- 31) Mendakwa dirinya sebagai penjelmaan sahabat-sahabat Nabi Muhammad s.a.w.
- 32) Bersemadi di tempat-tempat gelap memusatkan diri kepada sesuatu hajat.
- 33) Jika ada kemusyikan dalam satu-satu ajaran, murid dilarang berbincang sesama sendiri, tetapi hendaklah dirujuk kepada guru.
- 34) Boleh meramalkan kedatangan Imam Mahdi dan hari kiamat.
- 35) Pengikut boleh menerima kuasa luar biasa dari guru.⁶⁴
- 36) Pengikut-pengikut lelaki dan perempuan mestilah diuji dalam bilik khas dan bersumpah tidak akan menceritakan kepada seseorang apa yang terjadi dengan guru tersebut dalam bilik berkenaan.
- 37) Pengikut tidak boleh berkahwin dengan bukan pengikut ajaran itu.
- 38) Pengikut diwajibkan merahsiakan ajaran, kalau tidak dia akan ditimpa bala.
- 39) Sembahyang tidak perlu berjemaah dan tidak perlu mengadap kiblat.
- 40) Nikah mengikut syaria^t hanyalah mengikut adat, sebab itu dikehendaki dinikahkan sekali lagi dengan nikah batin.

⁶⁴ Ibid

- 41) Percaya kepada makhluk-makhluk seperti kayu, batu dan seumpamanya mempunyai kuasa ghaib.
- 42) Perbuatan-perbuatan maksiat seperti berjudi, minum arak, berzina serta segala bentuk dosa boleh dilakukan oleh guru tariqatnya dan boleh mendapat jaminan keampunan dari Allah ke atas dosa pengikutnya.⁶⁵
- 43) Huruf-huruf dua kalimah syahādah hanyalah lambang sahaja.
- 44) Murid-murid tidak boleh mengahwini wanita-wanita yang diminati oleh gurunya.
- 45) Murid-murid tidak boleh mengahwini janda gurunya.
- 46) Ibadah sembahyang berpada dengan niat sahaja.
- 47) Menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh Allah atau sebaliknya.
- 48) Quran mempunyai makna batin. Makna batin quran itulah isi dan makna zahir itu kulit yang tidak berguna.
- 49) Islam itu ada zahir dan ada batin.⁶⁶

3.4. FAKTOR/SUMBER AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Hasil dari penelitian Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati secara keseluruhannya bertitik tolak dari Ajaran *Wahdatul Wujud + Batiniyah* yang telah tumbuh di kurun ke-7 selepas wafatnya Baginda s.a.w. Ianya dipelopori oleh Ibnu °Arabi. *Wahdatul Wujud* telah menyerap ke dalam tasawuf Islam, manakala *Batiniyah* menyelinap masuk ke dalam ajaran Islam untuk meruntuhkannya. Lalu kedua-duanya bertemu dan bersefahaman dengan kesesatan yang didokongi lantas bergabung dan berselindung di sebalik kemurnian ajaran Islam.⁶⁷

⁶⁵ *Ibid*

⁶⁶ *Ibid*.

⁶⁷ Temu bual dengan Ust. Abdul Hamid bin Yunus, *op.cit*, 31 Julai 2000.

Umat Islam di negara ini sentiasa terdedah kepada ajaran sesat yang berkembang hasil dari faktor-faktor berikut:-

- i. Tasawuf Falsafah atau Teosofi
- ii. Ajaran Batiniah;
- iii. Ajaran Syi'ah;
- iv. Khurafat, amalan bomoh tradisi dan silat tradisional.⁶⁸

V. Usaha menjauhkan Umat Islam dari al-Quran dan al-Sunnah.⁶⁹

3.4.1. Tasawuf Falsafah/ Teosofi/ Wujudiah+ Martabat Tujuh.

1). Tasawuf Teosofi:

Ianya menjadi punca utama kepada penyelewengan dalam ilmu tasawuf dan kepada muncul ajaran-ajaran sesat yang mana ia didapati dipengaruhi oleh pengaruh Greek, Parsi, Yahudi, Kristian dan Hindu-Buddha. Faktor ini mengandungi berbagai-bagi konsep yang bermula dengan konsep *wahdatul wujud* dan seterusnya diserap kepada ajaran martabat tujuh dari karangan Syeikh Mohammad b. Fadhlullah Al-Burhanipūri, (W 1029H/1619M) melalui bukunya *al-Tohfah Ila-Mursalah Ila Rūh Al-Nabi*, yang diterjemah ke bahasa Jawa tahun (1680M) kemudiannya pula disalurkan oleh beberapa tokoh Nusantara seperti Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani (W 1690M) yang mengarang buku *Jauhar al-Haqā'eq*, Abdul Rauf Singkel dengan kitab *Daqa'iq al-Hurūf* beliau dikatakan menuntut di Mekah selama 19 tahun dan kembali ke Aceh tahun

⁶⁸ Sebagaimana persatuan seni bela diri Persekutuan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia. Ianya telah menyelitkan banyak unsur yang bercanggah dengan Islam seperti kekebalan dan sebagainya. Dlm. *Massa*, 15 Julai 2000, hal: 20

⁶⁹ Temubul dengan Ust. Abdul Aziz, 31 Julai 2000, *op.cit*

(1661M) dan Syeikh Hamzah Fansuri (W 1606M) dalam buku-bukunya di bidang tasawuf ketuhanan terutama buku *Asrār al-Ārifīn*, *Syarb al-Āṣyikīn* dan *al-Muntahi* dan berkembang pula melalui kitab *al-Durr al-Nafis* oleh Syeikh Mohammad Nafis al-Banjari (W 1778M) yang ditulis tahun (1200H) yang dianggap pula oleh beberapa tokoh penyelidikan sebagai mewarisi kitab *al-Tohfah al-Mursalah* yang dikatakan telah ditemui di Ceribon tidak lewat dari tahun 1668M oleh Abdul Muhyi seorang wali dari Jawa, yang menjadi guru kepada Bagus Norjan dari Ceribon. Kitab ini juga tersebar di Sumatera pada abad ke-17 M.⁷⁰ Buku ini dikatakan mempengaruhi kelanjoran buku *Serat Wirid Hidayat Jati* karangan Rengka Warsita (W 1873M). Pada asasnya faktor Tasawuf Teosofi ini telah banyak mempengaruhi ajaran-ajaran yang dibawa oleh guru-buru ajaran sesat ditambah pula oleh buku *Kasyr Al-Asrār* oleh Syeikh Mohammad Salleh bin Abdullah al-Mengkabu yang ditulis tahun 1922M.⁷¹

2). Tasawuf Wahdatul Wujud

Menurut Prof. Dr. Abdul Fatah Haron Ibrahim bahawa tasawuf wahdatul wujud dalam Islam dapat dikesan sumbernya daripada Hindu dan Neoplatonism atau seumpama kedua-duanya.⁷²

Menurut Ust. Haji Abdul Hamid bin Yunus, kebanyakan ajaran sesat di Malaysia adalah berpandukan fahaman Wahdatul Wujud yang dipelopori oleh Ibnu Arabi.⁷³ Manakala

⁷⁰ (lihat Ajaran Sesat 1994) DBP hal. 13

⁷¹ *Ibid.* hal. 12

⁷² *Ibid.* hal. 13

⁷³ Ibnu A'rabī atau nama penuhnya ialah Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Abdullah al-Hatimi. Dilahirkan di Murcia, tenggara Andalus pada 17 Ramadhan 560H. Beliau berketurunan Arab tulen. Digelar sebagai Syeikh Akbar dan beberapa gelaran lain mengikut tempat. Beliau berasal dari keturunan yang mulia, berpengaruh dan kuat berpegang dengan ajaran agama. Lihat *Ibnu Arabi Tokoh Sufi*, Zakaria bin Stapa, DBP, Kuala Lumpur, 1993, hal. 1

Menurut Haji Abdullah Fahim b. Hj. Ab. Rahman, pula bahawa buku *Bahr al-Lahūt* iaitu kitab adunan antara kandungan *al-Tohfah al-Mursalah dengan Serat Wirid* dan kandungan *Bahr Al-Lahūt* inilah yang terdapat dalam kitab *Hidayah Anwar* (Ajaran Taslim) dan Hakikat Insan (1985M) serta Tajalli Ahmad Laksamana (lihat Sejarah Kemunculan Ajaran Menyeleweng, hal. 55-56). Menurut Dr. Abdul Fatah Haron bahawa martabat tujuh juga bukan dari al-Quran dan Hadith Sahih, tetapi dari falsafah Neo Platonism yang dikenal dengan teori immanasi atau as-Sudur (Lihat Beberapa Masalah Utama Dalam Tasawuf (1993M) BAHEIS, KL H. 25). Dari Kitab *al-Durr al-Nafis*, Maktabah Wa Matba'ah Darul Maarif Pulau Pinang terdapat huraian martabat tujuh ini dari halaman 21 – 23. Falaman *Wahdatul Wujud* menganggap alam ini adalah penyataan Allah yang qadim Azali lagi abadi. Alam ini seperti ombak dan Tuhan seperti laut. Ombak itu kekal ada selagi laut itu kekal.⁷⁴

3). Ajaran Martabat Tujuh

Martabat Tujuh adalah satu perbincangan mengenai asal usul mula kejadian alam semesta ini. Ilmu ini termasuk dalam bidang °I'tiqad Tasawuf Falsafah *Wahdatul Wujud*. Penjelasan maksudnya ialah bahawa Allah Yang Maha Esa Mentajalli (menampak) alam semesta daripada zatnya sendiri.⁷⁵

⁷⁴ (lihat Ajaran Sesat 1994) DBP *op.cit* hal. 13

⁷⁵ Temubual dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai2000, *op.cit*.

Pakar rujuk tentang kedurjanaan Martabat Tujuh ialah Syeikh Ahmad Khatib⁷⁶.

Beliau telah menafikan tentang hubungan Martabat Tujuh dengan ajaran dari Quran dan Sunnah serta menafikan hubungannya dengan Imam Ghazali.⁷⁷

Pertama: Ahādiyah iaitu Martabat zat qadim, azali, abadi, martabat *La Ta'ayun* ertinya martabat tidak nyata. *Ahādiyah* iaitu seperti menilik cermin, *wahdah* seperti cermin, *wahdiyah* seperti rupa dalam cermin, martabat *La Ta'ayun* belum nyata Tuhan dengan hamba.

Kedua: *Wahidiyah* – Martabat Aliah Wahdah Qadim, azali, abadi, roh Qudsi yakni nyawa Muhammad, martabat Taayun Awwal iaitu nyata yang pertama, kelakuan zat: Syu'un, Martabat Muhammad. Ertinya nyawa Muhammad pada pihak pengetahuan Allah.

Ketiga: *Wahdiyah*, Martabat Taayun thani, nyata yang kedua iaitu Roh Adam dan Aayanhabitah namanya iaitu Kenyataannya telah ada bagi ilmu Allah bagi zat dan bagi sekalian yang maujud iaitu jalan tafsil. Tajalli hak Allah kepada martabat ini dengan nama Ar-Rahman bersifat pemurah.⁷⁸

Keempat: *Alam Arwah* iaitu alam segala nyawa dan alam roh *aayan kharijah* ertinya kenyataan yang sudah terbit daripada ilmuNya dan roh itu daripada kehendak Allah Taala

⁷⁶ Dlm. *Martabat Tujuh*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1998, hal: 6, Syeikh Ahmad Khatib berasal dari Minangkabau yang tinggal di Mekah. Peristiwa yang berlaku pada 1909 ini menyaksikan kenyataan Syeikh Ahmad Khatib tentang Martabat Tujuh Wahdatul Wujud. Beliau mengatakan bahawa mereka yang melibatkan diri dengannya ialah mereka yang jahil dan menyalahi syaria't Nabi. Ia nyata bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

⁷⁷ Abdulfatah Haron Ibrahim, *Martabat Tujuh*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1998, hal: 6

⁷⁸ Temubul dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai 2000, *op.cit*.

yang dibangsakan keadaannya dengan martabat terbit daripada suruhan Tuhan kita dengan berantara sesuatu daripada pergantung.⁷⁹

Kelima: *Alam Mithal* ialah kalbu sanubari bererti tempat hati. Inilah alam segala rupa namanya iaitu daripada kehendak Allah Taala yang rapat terus daripada segala suku yang halus dan tiada menerima suku ertinya tiadalah menerima akan tegahan dan tiadalah menerima berciri-ciri setengahnya daripada setengahnya dan tiadalah menerima akan tebusan dan tiada menerima zakat kerana halus.

Keenam: *Alam Ajsam* ialah alam syahadah, alam yang dipandang, alam segala martabat yang terus daripada anasir empat, air, tanah, udara dan api dan yang tersebut daripada itu

lima perkara iaitu segala batu, tumbuhan, binatang dan segala jin yang tersusun dari segala unsur, nyata Allah taala itu dengan zahir dan Muhammad namanya Mazhar.

Ketujuh: *Alam Insan* disebut Insan itu rahsiaKu dan Aku rahsianya martabat yang dihimpunkan segala martabat ini. (Bandingkan dengan buku dari Abdul Fatah Ajaran Sesat 1994 h. 20 – 25).⁸⁰

⁷⁹ *Ibid*
⁸⁰ *Ibid*

Bagi tasawuf Falsafah Martabat Tujuh, mereka menggelarkan syariat itu sebagai ‘kulit’. Ianya hanyalah tingkat pertama. Martabat Tujuh merupakan jalan menuju insan kamil iaitu maqam bagi sekelian auliya’ dan anbiya’.⁸¹

4). Nūr Muhamad

Nur Muhamad ialah cahaya yang dihubungkan dengan Nabi Muhammad (s.a.w). Dari segi istilah ialah ciptaan Allah yang pertama, sebelum Dia mencipta makhluk-Nya yang lain. Cahaya ini dicipta dari Nūr Allah, pada asal kewujudannya. Nūr ini sama dengan rupa kejadian Nabi Muhammad s.a.w. Istilah yang lain dipakai juga oleh penggemarnya iaitu *al-Aql al-Awwal*, *al-Insan al-Kamil*, *Qutub*, *Ghaus* dan lain-lain.

Kaitannya dengan Martabat Tujuh, ia terletak di martabat kedua. Pemikiran ini tidak ada dalam al-Quran dan hadis sahih, lebih-lebih lagi ia disifatkan sebagai qadim dan semua perkara yang ada dalam alam ini bersumber darinya. Bagi syia'ah, menggunakan untuk meluluskan 'aqidah mereka terhadap al-Imāmah. Manakala kaum Sufi untuk meluluskan Konsep al-Wilayah atau Kewalian, yang ada persamaannya dengan al-Imāmah dalam Syi'ah. Orang Islam yang awal membincangkan Konsep Nūr Muhamad ialah Ibnu 'Arabi (638H/240M) dan Abdul Karim al-Jili (832H). Ini disebutkan dalam kitab-kitab karya mereka seperti *al-Futūhat al-Makiyyah*, *Fusus al-Hikam* dan *al-Insan al-Kāmil fi Ma'arifah al-awā'il wa al-Awākhir*.⁸²

⁸¹ Abdulfatah Haron Ibrahim, *Martabat Tujuh*, op.cit, hal: 54

⁸² Tembusan dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai2000, op.cit.

Bagi Ibnu 'Arabi, Nūr Muhamad merupakan asal usul kejadian semua makhluk yang hidup dan sumber yang terpancar daripada ilmu para Nabi dan wali atau dengan kata lain Nur Muhamad ialah roh yang nyata dengan rupa para Nabi dan wali sejak Nabi Adam a.s. diutus hingga Nabi Muhamad s.a.w. dan sejak wujud Martabat al-Wilayah atau kenabian dalam pemikiran Sufi. Ilmu para nabi dan wali menurut Kaum Sufi adalah suatu pancaran dari Nur Muhamad yang merupakan induk kepada segala yang wujud ini. (lihat Muhamad Ali al-Junid, Nazdariyyah, al-Imāmah, hal. 128) dan bandingkan dengan artikel Prof. Madya Dr. Abdul Hayei bin Abdul Shukor (UM) "Nūr Muhammad: Satu Pencemaran Terhadap 'Aqidah" (Utusan Zaman – 9 Jun 1996). Orang yang terlibat dengan kumpulan ini dipercayai banyak memalsukan hadith bagi meluluskan teori dan cita-cita ini. Sedangkan menurut pandangan ahli Sunnah Wa al-Jama'ah, asal kejadian Nabi Muhamad s.a.w. adalah jelas seperti dinyatakan dalam ayat 110, surah al-Kahfi, yang bermaksud; "*Katakanlah (wahai Muhammad) sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah satu.*"

Bagi ahli Sunnah, kepercayaan Nūr Muhammad ini adalah khurafat dan tidak bersandarkan mana-mana dalil yang layak menjadi sumber hukum. Tetapi setengah kaum Sufi yang keterlaluan mendakwa bahawa ilmu mereka kasyaf, kadang-kadang dikatakan diambil terus dari Allah atau Rasulullah.⁸³

⁸³ *Ibid*

Menurut Prof. Dr. Abdulfatah Haron bin Ibrahim, bahawa Nūr Muhammad tidak lebih daripada lagenda. Ia tidak ada dalam ajaran ⁶aqidah Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah (Asyā'riyah, Maturidiah dan Salafiah, tetapi terdapat dalam Ajaran Tasawuf Wahdatul Wujud). Dalam kitab *al-Dur al-Nafis* disebutkan sebuah hadith yang bermaksud: "Mula pertama Allah jadikan ialah Nur Nabimu, hai Jabir, maka Allah jadikan Nūr itu segala sesuatu dan engkau adalah daripada sesuati itu (halaman 22)." Hadith ini adalah hadis mauduk (rekaan dan palsu) seperti disebut dalam Kitab *al-Mawāhib* dalam *Kasyaf al-Khifa Wa Mazil al-Albas*, hal. 266). ⁸⁴

3.4.2. Ajaran Batiniyah.

Ajaran ini juga dikenali dengan Tasawuf Batiniah iaitu kebatinan. Pada umumnya ajaran ini dibawa melalui buku *Kasyaf Al-Asrār* terjemahan dan susunan oleh Syeikh Mohammad Salleh bin Abdullah Al-mangkabau yang ditulis pada tahun (1344H/1922M) (tahun 1390 telah ulang cetak ke-22 di Singapura) dan kemudiannya disalurkan melalui buku *Hidayah Al-Anwar* oleh Syed Ghazali Jamalullail, Pulau Pinang pada tahun 1355H/1933M) dan mengembangkan Ajaran Taslim dari bapanya Hj. Mohd. Matahari, kemudian Hj. Ahmad laksamana bin Omar Kelantan pada tahun 1985, menulis buku *Hakikat Insan* (1985M) dan Ilmu Tajalli (belum terbit) dan mengembangkannya ke seluruh Malaysia. Unsur-unsur atau faktor ajaran Batiniah ini ialah berasal daripada *Syī'ah Ismailiyah Batiniah* iaitu satu gerakan yang pada mulanya dipropagandakan oleh Abdullah bin Maimon (W 165H/780M). Beliau ialah seorang bekas pengikut agama Madaism (Al-Mazdakiyah) berbangsa Yahudi dari Al-Hawas, bapanya Maimon b. Dalsan al-Khaddah ialah hamba kepada Jaafar al-Sadiq iaitu salah seorang imam 12 Syī'ah. Al-

⁸⁴ Ibid

Khaddahlah yang mendakwa Ismail bin Jaafar al-Sidiq yang telah meninggal dunia tahun 158H dianggap sebagai ghaib dan beliau adalah Imam Mahdi Abdullah bin Maimon juga terpengaruh dengan teori angka simbolik seperti angka 7, 12 yang diambil dari 7 huruf Bismillah dan 12 huruf Lailaha illahallah kemudiannya berjumlah 19. Teori ini akhirnya diambil oleh Ismailiyah Kisaniyah dan Qaromitah.⁸⁵

Di kalangan pengamal ilmu hakikat seperti Taslim wujud satu amalan nikah batin, yang pda asalnya lahir dari konsep batin yang disebar oleh kumpulan *Syia'h Batiniah*. Nikah batin adalah satu amalan misteri bagi golongan Taslim. Mereka merahsiakan amalan ini dari sesiapa. Menurut Hj. Abdullah Fahim b. Abdul Rahman, nikah batin di Malaysia ia bukan sahaja diamalkan oleh kumpulan Taslim bahkan oleh individu lain.⁸⁶

Menurutnya pada tahun 1986 seorang gadis berumur 19 tahun dari Kuala Lumpur membuat laporan ke Pusat Islam yang menyatakan kakaknya telah dinikah batin oleh guru yang mengubat mereka secara batin. Kakaknya yang tua telah melahirkan 4 orang anak dan yang muda telah dua kali menggugurkan kandungannya. Guru itu dan kakaknya telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Gombak Timor, Selangor atas tuduhan berzina sehingga melahirkan anak. Mereka mengaku salah dan guru tersebut tidak sebut langsung hal 'nikah batin', ini berlaku pada 28 Mac 1986. (Lihat catatan kaki hal. 106: Abdullah Fahim b. Hj. Abd. Rahman: Satu Analisis Perbandingan Antara Doktrin-doktrin Dalam

⁸⁵ *Ibid*

⁸⁶ *Ibid*

Ajaran Taslim, Ajaran Ahmad Laksamana dan Tarekat Naqsyabandiah Kadirun Yahya, Tesis, Fakulti Pengajian Islam UKM, 1991).⁸⁷

Ajaran Batiniah ialah ajaran Tasawuf yang mengandungi 3 unsur iaitu: fahaman Hulūl iaitu penyerapan Tuhan dengan hamba dan *Wahdatul Wujud* dan semacam dengannya, faham *Syarfah Ismailiyah* dan *Batiniah* dan yang semacam dengannya dan ilmu Kebatinan hasil sankratisme antara kepercayaan primitif, agama Hindu, Buddha, Tasawuf Wahdatul wujud dan ajaran Syi'ah terutamanya yang terdapat di negara jiran.⁸⁸

Antara ajaran sesat yang mengandungi unsur Batiniah ialah ajaran Taslim, ajaran Tajalli Ahmad Laksamana Kelantan. Ada doktrin wujudiah, batin, takwil, gnosis, emanasi dan kebatinan Jawa (A. Fahim Ibid. H. 193).⁸⁹

3.4.3. Ajaran Syiah.

Ajaran Syi'ah di sini ialah Syi'ah Nusairiyah dan Nizariyyah serta Musta'liyah dan Druz. Syi'ah Isma'iliyah berjaya menegakkan kerajaan Fatimiah di Mesir tahun 358 Hijrah. Dalam tahun 487 Imam Kerajaan Fatimiah bergelar al-Mustansirbillah meninggal dunia, lalu puak Isma'iliyah berpecah dua, satu mengikut Nizar bergelar Nizariyah dan satu lagi mengikut adiknya al-Musta'li lalu digelar at-Musta'liyah. Ada lagi pecahan lain iaitu Druz dan Nasiriyah yang ada di Lubnan, Syria dan Palestin. Selain itu Syia'h Dua Belas yang beraqidah dengan Imāmah, Wasi, Ismah, Hulūl Zahir – Batin. Ia mengandungi 4 konsep utama iaitu:

⁸⁷ Ibid

⁸⁸ Ibid

⁸⁹ Ibid

- i. Ada zahir dan batin
- ii. Ada tanzil dan takwil
- iii. Ada takiyyah
- iv. Ada wasi

Di sepanjang sejarah Gerakan Syi'ah meninggalkan imej buruk yang penuh dengan ugutan, ancaman, pergaduhan dan kekerasan. Sikap kekerasan ini adalah warisan daripada saki baki gerakan Syi'ah Ismailiyah yang berpusat di "Aalamut yang diketuai oleh Al-Hasan al-Sabah di abad ke enam Hijrah, yang kadangkala menggunakan Hasyisy (ganja) atau seumpamanya.

3.4.4. Amalan khurafat dan perbomohan.

Berpunca dari tiga unsur Sin Kritisma, Hindu-Buddha dan Animisma-Dinamisma. Ia dijelaskan dalam amalan-amalan perbomohan dan kesaktian.⁹⁰ Pihak JAKIM telah membuat beberapa garis panduan tentang perbomohan yang mesti dipatuhi oleh setiap individu atau kumpulan yang terlibat. Iaitu setiap individu atau kumpulan tidak boleh mendakwa bahawa permohonannya bersumber dari Nabi s.a.w, para anbiya' atau diambil dari al-Quran dan hadith atau berasal dari amalan para sahabat Nabi s.a.w atau lain-lain jika tidak mempunyai alasan yang kukuh berdasarkan nas al-Quran dan al-Hadith.⁹¹

⁹⁰ *Ibid*

⁹¹ *Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam*, JAKIM, Kuala Lumpur, 1999, hal: 8

3.4.5. Usaha menjauhkan umat Islam dari al-Quran dan as-Sunnah.

Ada pihak tertentu berusaha menyeleweng umat Islam agar tidak mengamalkan ajaran al-Quran dan As-Sunnah atau salah satu darinya. Mereka terdiri dari golongan munafikin dan zindiq dengan usaha tertentu antaranya:

- i. Pentafsiran batin oleh golongan kebatinan dan menyatakan al-Quran ada makna zahir dan makna batin dan mendakwa yang wajib diamalkan ialah yang batin sahaja.
- ii. Pentafsiran dengan angka.
- iii. Pentafsiran palsu ke atas surah Al-Muddathir ayat 30 dan 31 sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rashad Khalifa.
- iv. Penetapan tarikh berlakunya kiamat.⁹²

3.5. PUNCA KEKELIRUAN MASYARAKAT DAN TEKNIK MEMIKAT

MANGSA

Batiniah menyebar tentang perkara batin dan menolak zahir syari'at, manakala tasawuf juga ialah ilmu batin tetapi tetap menghayati segala zahir syari'at. Nampaknya Batiniyah pandai menggunakan kesempatan ini, lalu mereka menggunakan 'batin' yang sekali pandang adalah ilmu tasawuf. Sebab itu semua pengikut Batiniyah di Nusantara tidak berniat hendak membuang Islam, tidak menyedari bahawa sebenarnya mereka terjebak di dalam perangkap Batiniyah.⁹³

Hakikat ini bertambah rumit jika disedari bahawa tasawuf itu sendiri agak seragam. Ada tasawuf yang bergelar *tasawuf sunni* iaitu tasawuf yang berpandukan

⁹² Termubual dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai 2000, *op.cit.*

⁹³ *Ibid*

sunnah Rasulullah s.a.w. dan ada *tasawuf falsafah* terutama *wahdatul wujud*. Tasawuf di Alam Melayu menepuk dada merasakan diri mereka sufi, menganggap mereka sahaja yang betul kerana mereka ahli tariqat, hakikat dan ma'rifat, manakala orang yang bukan dari kalangan mereka dianggap '*orang syari'at kulit*' sahaja.⁹⁴

Di sana terdapat pula berbagai cara untuk menjerat individu tertentu di dalam masyarakat untuk menariknya sebagai anggota dan pengikut ajaran mereka. Mereka juga mempunyai langkah-langkah tertentu yang tersusun rapi bagi menjamin keberkesanan dan kerahsiaan mereka. Di antara yang telah digariskan oleh para u'lamah seperti;

1). Al-Zauq wa al-Tafarrus (tilik dan perhati)

Agen Batiniyah akan memerhati samada seseorang itu dapa dipengaruhi ataupun tidak. Kalau mereka merasakan sasaran itu tidak boleh dikuasai dan dipengaruhi, maka mereka akan meninggalkannya. Jika boleh dipengaruhi, mereka akan menjadikannya sebagai kawan dan akan meneruskan langkah yang kedua. Jika sasaran mereka termasuk dalam golongan wara^c, mereka akan menunjukkan sifat-sifat yang kuat berpegang dengan ajaran agama. Sebaliknya jika sasaran mereka suka melakukan perkara-perkara yang melalaikan dan perkara-perkara maksiat, maka mereka akan turut sama melakukannya.⁹⁵

⁹⁴ Prof. Dr. Abdulfatah Harun bin Ibrahim, *Kebatinan Menghapus Syariat*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur, 1998, hal: 3

⁹⁵ *Ibid*, hal: 11

2). Al-Ta'nis (beramah mesra)

Mereka akan cuba mendekati dan mendampingi orang yang hendak dipengaruhinya. Umpamanya bermalam di rumah orang yang hendak dipikatnya dengan tujuan untuk mengadakan majlis membaca al-Quran. Maka di situ lah mereka mengambil kesempatan menyebarkan ajaran seperti membaca ayat-ayat al-Quran dengan membuat takwilan secara Batiniyah.⁹⁶

3). Al-Tasykik (meragukan)

Pada tahap ini mereka akan menimbulkan keraguan. Contohnya, kenapa kita sembahyang zohor empat raka⁹⁷, apakah rahsia di sebalik huruf *Mim, Ha, Mim, Da?*? Persoalan seperti ini akan menimbulkan keraguan dengan mengajukan pertanyaan ‘mengapakan ‘alim ‘ulama’ sebelum ini tidak menyebut perkara ini?’. Lalu mereka menuduh ‘ulama’ menyembunyikan ilmu sebenar.

4). Al-Ta‘liq (tergantung-gantung)

Mereka akan tangguhkan terlebih dahulu persoalan yang ditimbulkan itu. Apabila mereka menangguhkan jawapannya, maka semakin kuat keraguan dan akan menguatkan lagi perasaan ingin tahu dari mereka yang terlibat dan merasa berminat untuk terlibat sama.⁹⁷

⁹⁶ *Ibid*

⁹⁷ *Ibid*

5). Al-Rabt (ikat)

Apabila keadaan ini telah wujud, maka mereka akan disuruh bersumpah. Mereka katakan bahawa itulah rahsia wali-wali dan ahli-ahli sufi sahaja, tersorok daripada orang awam.⁹⁸

6). Al-Tadlis (tipuan)

Guru mereka akan bercakap tentang nasib orang ramai yang tertipu dan sia-sia mengamalkan ilmu kulit syariat yang zahir dan tidak masuk kepada isinya atau tidak sampai kepada hakikat. Tetapi penyebar Batiniyah berpura-pura tidak menyalahi ajaran Islam yang sebenarnya. Di sinilah ditimbulkan umpamanya, sembahyang orang hakikat berpada dengan niat sahaja.⁹⁹

Maka akan dikatakan kepada mangsanya:

1. Kebatilan itu nyata dan jelas, manakala kebenaran itu halus dan tersembunyi hingga terkadang ianya sukar diterima umum.
2. Kejahilan berpunca dari kelemahan akal memahami nas al-Quran. Tiada yang terselamat darinya, termasuklah para khulafa', para rasul dan sesiapa saja yang mendakwa Batiniyah itu sesat.

⁹⁸ loc.cit, hal: 11

⁹⁹ loc.cit, hal: 11

3. Penyebarnya akan berkata “aku menyampaikan rahsia, maka engkau mesti menjaganya”. Maka akan dijawabnya “ya” sebagai tanda iltizam kepada mazhab Batiniyah. Sesungguhnya pengikut mereka ialah para cerdik dan bijaksana.
4. Hendaklah berwaspada dan menyebarnya secara sulit (mencari ahli baru) sehingga disatukan kebahagian dunia dan akhirat.¹⁰⁰

7). Al-Talbis (pemalsuan)

Sebelum meninggalkan mangsa itu, penyebar Batiniyah tersebut meninggalkan kata-kata yang berat dan kabur. Hanya benar pada zahirnya sahaja. Seperti kata ‘manusia’ itu ada bermacam-macam pendapat yang bertentangan di antara satu sama lain. Masing-masing mangaku pihaknya sahaja yang benar. Tetapi mereka menegaskan, dengan mengenal diri, maka mengenal Allah, dan Allah itu ada dalam diri. Bila kita sudah jadi Allah, maka Allah itulah yang benar dan betul.¹⁰¹

8). Al-Khalu^c (mencabut)

Mangsa akan membuang segala taklif syara^c yang telah diyakininya sebagai syaria^ct kulit zahir yang sia-sia dilakukan.

9). Al-Salakh (terlepas)

Mangsa akan menyeleweng dari °aqidah yang sebenar. Orang yang tertipu dengan Batiniyah ini akan melepaskan dirinya dari °aqidah Islamiyyah yang sebenarnya tanpa

¹⁰⁰ Abdul Rahman Hasan al-Hanabakah al-Maidani, *Al-‘Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah*, Dar al-Qalam, Damsyik, 1992M/1412H, hal: 605

¹⁰¹ *Kebatinan Menghapus Syariat*, op.cit, hal: 4

menyedari kekufurannya.¹⁰² Apabila mereka telah mengenali diri dan rahsianya maka gugurlah kewajiban zahir, segala taklif dan terlepas hukum hakam Islam. Haruslah baginya segala yang haram dan menghinakan.¹⁰³

3.5.1. Membezakan amalan *Batin-Tasawuf* dengan *Batin Batiniyah*.

Keadaan ini sukar dibezakan oleh masyarakat umum sekalipun para ‘ulama’ disebabkan maklumat mengenainya tidak tersebar secara meluas. Sejak kemasukan Islam ke Nusantara, pendidikan Islam mempunyai kurikulum formal dan tidak formal tetapi sedikit pun tidak menyentuh tentang Batiniyah. Hal ini menyebabkan para ‘ulama’ sukar untuk membezakan ancaman Batiniyah. Umum hanya mengetahui bahawa tasawuf ialah ilmu batin yang tidak menampakkan mereka (Batiniyah) menyusup masuk tanpa disedari. Mereka cukup berpengalaman mencampur adukkan tasawuf dengan Batiniyah sehingga apabila berlaku penentangan terhadap mereka, ahli tasawuf juga akan terasa seperti mereka juga diperangi. Sepatutnya ahli tasawuf yang mesti melakukan sesuatu yang dapat membezakan mereka dengan ahli Batiniyah dan mengisyiharkan perang terhadap Batiniyah sebagaimana yang dilakukan oleh Imam al-Ghazali.¹⁰⁴

Imam al-Tusi menegaskan bahawa pengukur yang tepat lagi asasi tentang kebenaran orang yang dianggap telah mencapai khawas atau dianggap telah termasuk manusia pilihan (ahli al-Safwah) ialah tiga perkara:

1. Menjauhi segala yang haram dan yang ditegah, samada yang besar atau yang kecil.

¹⁰² *Ibid*, hal: 11-13

¹⁰³ Abdul Rahman, *op. cit*, hal: 606

¹⁰⁴ *Kebatinan Menghapus Syariat*, *op. cit*, hal: 4

2. Menyempurnakan segala yang difardhukan samada yang senang atau yang susah.
3. Membiarkan dunia kepada ahlinya melainkan kadar yang diperlukan.

Jika terdapat orang-orang yang dianggap sedemikian tetapi tidak berpegang teguh dengan tiga asas tadi maka kesalahan lebih hampir kepadanya dari kebenaran pada apa yang dikatakan, atau pada apa yang didakwanya, atau pada apa yang dilakukannya.¹⁰⁵

3.5.2. Mangsa ajaran sesat.

Golongan yang mudah terpengaruh menjadi mangsa ajaran sesat ialah terdiri daripada:

- 1) Mereka yang jahil dan kosong jiwa kerana tidak mempunyai pengetahuan agama yang cukup. Dan mendapat dorongan kawan-kawan supaya berguru atau belajar melalui orang-orang tertentu yang mengajar secara rahsia dan sulit;
- 2) Mereka yang ghairah mencari ketenangan jiwa dan kesempurnaan beragama terutama melalui unsur kerohanian dengan cara jalan dekat tanpa ikut sunnah; dan
- 3) Golongan yang salah atau menyeleweng dalam hal yang berhubung dengan usul; hal ini terjadi kerana mereka kurang kemantapan dalam usul syari'iyah dan tunjangan serta pengetahuan mereka yang lemah dalam hal *sadiq* dan *ikhlas*. Mereka mendakwa diri hampir dengan Allah dan berada di maqam tertinggi.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Mohd. Sulaiman Yasin, *Mengenal Ilmu Tasawuf* 2, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1992, hal: 138

¹⁰⁶ Temu bual, *op.cit*, 31 Julai 2000

Dalam keadaan ini terdapat orang yang suka mengeksplorasi kejahilan dan kedahagaan masyarakat kepada kesempurnaan kerohanian dan lalu digunakan untuk kepentingan tertentu, seperti untuk mendapat kekayaan, pangkat, kuasa dan sex bebas. Di samping itu terdapat golongan yang berpegang kepada konsep kebebasan intelektualisme.

Golongan ini mengagungkan rasionalisme dan pendekatan apa yang dikatakan secara saintifik dan imperikal dalam soal agama. Golongan ini membawa fahaman modernisasi dalam Islam yang bertentangan dengan ‘aqidah dan fahaman yang diiktiraf dan diterima oleh masyarakat di negara ini. Mereka ini dengan fikiran-fikiran baru itu menggugat ‘aqidah orang yang kurang kukuh pegangannya. Dengan akhirnya menimbulkan ajaran-ajaran sesat yang membawa perpecahan dalam masyarakat.¹⁰⁷

3.6. MOTIF PENYEBARAN AJARAN SESAT

Mereka sentiasa merasakan bahawa ajaran mereka yang sebenarnya dan betul, sedangkan mereka hanya bergantung pada akal mereka semata-mata. Banyak perkara yang direka-reka dan bercanggah dengan syariat Islam. Pada hakikat yang sebenarnya mereka orang-orang jahil yang didorong oleh nafsu dan hasutan syaitan.¹⁰⁸

Menurut Ustaz Abdul Hamid bin Yunus, mereka mempunyai banyak motif yang terselindung dan ianya sukar untuk dipastikan kerana ianya tiada dalam bentuk bertulis dan seumpamanya. Walau bagaimana pun, setakat ini pihak JAKIM telah mengesan

¹⁰⁷ *Ibid*

¹⁰⁸ *Ibid*

beberapa motif utama yang amat merbahaya dan membahayakan aqidah umat Islam dan keselamatan negara, antaranya:

- 1) Menghina 'ulama'.
- 2) Meruntuhkan syari'at Islam.
- 3) Memperkecil Quran dan Hadith.
- 4) Membentuk kumpulan mafatih yang berhubung secara 'langsung' dengan tuhan tidak sebagaimana Rasulullah s.a.w yang berhubung melalui perantaraan Jibril a.s.¹⁰⁹

3.7. IMPLIKASI TERHADAP KEMURNIAN AKIDAH DAN KESELAMATAN

Implikasi yang dihadapi boleh dilihat sekurang-kurangnya dari lima sudut, iaitu;

1). Agama:

Ajaran sesat boleh akan merosakkan ajaran Islam dari sudut syari'at, amalan terhadapnya dan kepercayaan terhadapnya. Ianya juga bisa meruntuhkan struktur agama akibat percanggahan yang dilakukan. Mereka secara langsung merombak epistemologi Islam seperti mengatakan sumber hukum yang utama bagi mereka ialah *kasyaf* atau pun *ilham* yang mereka perolehi secara langsung dari tuhan. Mereka juga merosakkan metodologi dakwah dan syari'at secara keseluruhannya.¹¹⁰

¹⁰⁹ *Ibid*, Temu bual, 31 Julai 2000.

¹¹⁰ *Ibid*.

2). Akal:

Apabila pengikut ajaran sesat telah sebat dengan amalan yang dilakukan dan menjadi ta^osub dengan guru mereka, maka guru mereka sajalah yang betul dan sentiasa benar. Mereka mendengar dan melaksanakan apa jua perintah dari ketua yang mereka yakini dan imani sepenuh hati. Keta^osuban yang membuta tuli akan menyebabkan akal fikiran tidak lagi berfungsi. Mereka akan mengalami buta mata, pekak telinga dan tersumbat akalnya. Sampai pada tahap tertentu mereka sanggup mengaku diri mereka telah murtad bagi melepaskan diri dari pihak berkuasa dan pihak keselamatan. Hal sedemikian telah berlaku pada Ayah Pin di Besut yang telah mengaku murtad kepada pihak JHEAT supaya mereka tidak diganggu.¹¹¹

3). Jiwa (Tubuh badan):

Mereka yang telah terlibat secara langsung dengan ajaran-ajaran yang sesat sanggup melakukan apa saja untuk memenuhi kehendak guru atau tuntutan amalan. Mereka sanggup membunuh dan mengancam nyawa insan yang tidak berdosa sebagai mana yang telah berlaku pada 16 Oktober 1980, Balai Polis Batu Pahat telah dikepung dan diserang oleh pengamat ajaran sesat yang tidak senang hati dengan pihak keselamatan. Peristiwa yang terbaru ialah insiden rompakan senjata di Kem Tentera, Gerik, Perak pada 2 Julai 2000 lalu yang menyebabkan dua anggota keselamatan dibunuh.¹¹²

¹¹¹ *Ibid*

¹¹² *Massa*, 15 Julai 2000, hal: 20.

4). Harta benda:

Disebabkan ketaatan yang melampau kepada guru, mereka sanggup berkorban harta benda. Ada kumpulan ajaran sesat yang mengenakan kadar sumbangan wajib sebanyak 30% dari pendapatan harian atau bulanan. Menurut Ust. Abdul Hamid juga, sesetengahnya mengenakan syarat kifarat untuk menebus dosa dengan kadar yang mencecah ribu ringgit. Jika diteliti dari sudut kehidupan para guru pula, mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan sebagai sumber pendapatan. Ternyata mereka hidup dengan sumbangan wang dari para pengikut sehingga mampu hidup senang dengan rumah besar dan kereta mewah.

5). Maruah dan keturunan:

Soal maruah tidak lagi menjadi sesuatu yang berharga. Ada para pengikut yang sanggup mengizinkan guru meniduri isteri-isteri mereka. Guru-guru pula bebas memilih wanita yang disukainya. Mereka membolehkan berkahwin antara adik beradik sendiri, maka bagaimana dengan keturunannya nanti? Semua ini tidak lagi menjadi persoalan apabila guru mengatakannya ‘halal’.¹¹³

Kumpulan ajaran sesat didapati sentiasa muncul dan merebak daripada satu negeri ke satu negeri yang lain atau ke seluruh negara, jika tindakan membenterasnya tidak diberikan tumpuan yang bersungguh-sungguh. Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa negeri terhadap kumpulan-kumpulan ajaran sesat tertentu tidak memberi kesan yang positif kerana ia akan berpindah ke negeri-negeri lain. Ini memerlukan tindakan bersepada oleh semua pihak di bawah penyelarasan sebuah agensi pusat. Perancangan

¹¹³ Temu bual, *op cit*, 31 Julai 2000.

membanteras ajaran sesat memerlukan proses yang seragam bagi menunjukkan tindakannya berkesan dan hasilnya dapat dijangka dengan lebih tepat. Dengan demikian, JAKIM perlu diberi tugas menyelaraskan program tindakan ini.¹¹⁴

Sudah nyata pada pandangan umum, bahawa ajaran-ajaran sesat ini telah membawa dan boleh membawa kepada beberapa akibat dan ancaman kepada agama dan keamanan. Antara akibat-akibat ancaman itu ialah:

- (a) Meluasnya kesesatan di segi ‘aqidah dan penyelewengan di segi ibadat orang-orang Islam. Ini dapat digambarkan melalui ajaran-ajaran sesat yang disebutkan di atas.
- (b) Meluasnya perpecahan dalam masyarakat Islam.

Tiap-tiap ajaran sesat mempunyai ‘Ketua Guru’ dan pengikutnya sendiri. Antara mereka mempunyai perhubungan yang rapat seolah-olah hubungan antara ‘saudara dengan saudaranya yang lain’. Melalui ajaran yang dianuti, mereka memupuk persefahaman hidup dan jika dapat, cuba mewujudkan kumpulan atau masyarakat mereka sendiri. Dari sinilah wujudnya apa yang boleh dipanggil:

- i. ‘Masyarakat Orang Qadiani’ di Kg. Nakhoda, Selangor.
- ii. ‘Masyarakat Orang Taslim’ di Yan, Kedah.
- iii. ‘Masyarakat Ikhwan’ atau ‘Al-Mas’ di W. Persekutuan, Selangor dan Melaka.¹¹⁵

Sebagaimana yang telah diketahui, ahli-ahli kumpulan masyarakat di atas antaranya tidak boleh berkahwin dengan orang yang bukan dari ahli masyarakat mereka,

¹¹⁴ Temu bual, *Ibid*, 31 Julai 2000.

¹¹⁵ Temubual dengan Ust. Abdul Aziz b. Jusoh pada 31 Julai 2000, *op.cit*.

atas arahan dan hukum dari ajaran itu sendiri. Ini menimbulkan akibat yang buruk, bukan sahaja dari segi agama malah dari segi sosial.

(c) Timbulnya berbagai-bagai keganasan di dalam masyarakat.

Keganasan yang timbul bukan sahaja sekadar mencedera dan membunuh orang lain, malah boleh membunuh diri mereka sendiri. Hal ini boleh ditunjukkan dari beberapa kejadian berikut:-

i. Pembunuhan dan tembak menembak antara polis dengan Kumpulan Ajaran Empat Sahabat, Kg. Dedap Rantau Panjang, Kelantan pada 19 Oktober 1974. Dalam kejadian ini, seorang dari kumpulan 22 orang itu telah mati tertembak dan yang lain-lain cedera parah atau cedera. Dalam pertempuran dengan anggota polis dan Rela itu mereka telah cuba bertahan dan tidak mahu menyerah sehingga mereka tidak berdaya lagi dan terus ditangkap. Mereka kemudiannya didakwa dan dihukum salah oleh Mahkamah Kadi Besar Kelantan pada tahun 1974 atas kesalahan mengajar ajaran salah.¹¹⁶

ii. Serangan dengan parang oleh seorang awam ke atas seorang pengikut Tariqat Naqsyabandiah Kadirun Yahya di Bukit Marak, Kelantan pada tahun 1976. Pengikut tersebut telah luka di bahu dan dimasukkan ke Hospital Besar Kota Bharu. Ini berlaku akibat dakwaan pengikut tariqat tersebut bahawa orang yang tidak memasuki tariqatnya adalah tidak betul, tidak selamat dan tidak terjamin masuk syurga.

iii. Serangan Tajul Ariffin yang mendakwa dirinya Imam Mahdi, ke atas Tuan Hj. Damanhuri b. Hj. Abd. Wahab, di masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak pada 5 Julai 1979. Ini

¹¹⁶ *Ibid*

berikutan keengganan orang lain mengiktiraf dirinya sebagai Imam Mahdi. Haji Damanhuri telah luka. Walau bagaimanapun, pemeriksaan doktor menunjukkan bahawa Tajul Ariffin adalah kurang siuman dan pernah dimasukkan ke Hospital Tanjung Rambutan untuk rawatan sakit otak.

iv. Serangan pengikut-pengikut Haji Kamaruddin bin Ahmad Kajang, ke atas kuil-kuil Hindu di Selangor dan Wilayah Persekutuan dan akhirnya Kuil Hindu di Kerling, Selangor pada 19 Ogos 1979. Akibat dari serangan ini empat (4) orang dari mereka telah dicederakan hingga mati oleh penjaga-penjaga kuil tersebut.

v. Serangan kumpulan Mohd. Nasir bin Ismail (seramai 15) orang ke atas Balai Polis Batu Pahat pada pagi 16 Oktober 1980 dan mencederakan berbelas orang polis dan kakitangan Balai tersebut. Akibatnya 8 orang dari kumpulan ini, termasuk Nasir sendiri telah mati ditembak oleh Polis.¹¹⁷

(iv) Berlakunya keretakan dalam keluarga.

Apabila terdapat seorang dari anggota keluarga itu, khususnya si suami yang memasuki satu-satu ajaran sesat, maka berlakulah keretakan dalam keluarganya, terutama apabila isteri tidak menyertai sama suaminya atau tidak menyokongnya. Hal ini berlaku apabila:

i. Si suami selalu menghabiskan masa siang dan malam bersama-sama guru dan pengikut yang lain dan apabila pulang ke rumah amalan-amalan di dalam ajaran tersebut diteruskan

¹¹⁷ *Ibid*

lagi dan kadang-kadang jelas pada pandangan isteri amalan dan i^tkadnya sudah menyeleweng begitu juga sebaliknya.

ii. Banyak harta benda dan wang dicurah dan digunakan untuk kepentingan ajaran, guru dan pengikutnya. Hal ini berlaku kepada pengikut kumpulan al-Arqam dan lain-lain.

Hal yang sama berlaku pada pengikut-pengikut beberapa ajaran sesat.

iii. Si suami tidak lagi mahu mencampuri sahabat handai biasa yang bukan menjadi ahli ajaran yang diikutinya. Ini menyulitkan kehidupan biasa keluarga tersebut. Dan terdapat berbagai-bagai akibat dan bencana lain lagi hasil wujudnya ajaran-ajaran sesat ini.¹¹⁸

3.8. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kemunculan ajaran sesat bermula sejak kewafatan baginda s.a.w setelah timbulnya gerakan *riddah* serta nabi-nabi palsu. Dalam konteks ajaran sesat di Malaysia, ianya juga bukanlah sesuatu yang baru, bahkan telah pun bermula sejak sekurun lalu. Menurut pegawai JAKIM di bahagian penyelidikan, ajaran sesat di Malaysia digerakkan oleh banyak kumpulan yang mendakwa sebagai kumpulan tariqat dan sebagainya. Mereka mengambil kesempatan berselindung di sebalik ajaran tasawuf dan tariqat untuk menyebarkan fahaman sesat mereka dan menguasai mental para pengikut. JAKIM telah menjumlahkan 125 ajaran sesat yang terdapat di seluruh negara. Jumlah termasuklah ajaran yang sedang aktif, kurang aktif dan telah lenyap. Manakala ajaran yang terlampau aktif ialah sebanyak 17 ajaran. Terdapat juga dari kalangan

¹¹⁸ Ibid

fahaman dan ajaran sesat dalam bentuk anti hadith dan amalan kuno. Ajaran sesat di Malaysia juga didapati bersumberkan ajaran Wujudiah dan Batiniyah yang sentiasa cuba untuk menghancurkan Islam. Mereka juga mempunyai berbagai teknik sendiri untuk memikat mangsanya. Oleh demikian, masyarakat mesti dapat membezakan antara ajaran Wujudiah+Batiniyah dengan batin tasawuf yang sebenar. Penyebaran ajaran sesat mempunyai motif tertentu demi kepentingan peribadi yang amat jahat perancangannya. Akhirnya, segala gerakan dan tindakan dari kesesatan yang berlaku mempunyai implikasi tersendiri dari sudut agama, maruah, akal, harta benda dan keturunan.